

Samudera

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

ROYAL MALAYSIAN NAVY



BIL 3 - 2003 | ISSN 0127-6700



- PELANCARAN KAPAL TERBARU TLDM - KEDAH
- WANITA DALAM TLDM

ISSN 0127-6700




9 770127 670004

PSC-STN ATLAS ELEKTRONIK (M) SDN BHD GAINS INTERNATIONAL QUALITY MANAGEMENT SYSTEM CERTIFICATION

We are proud to announce our recent achievement of the prestigious ISO 9001:2000 Quality Management System. ISO Certification was viewed as an opportunity to ensure consistency and excellence in our services to our valued customer.



The Malaysian Ship Research for COSYS
in the COSYS Integration Site in Germany



Hydrographic Systems



ASW Sonar Systems



Logistic Support, Service and Spare



Command Systems (COSYS) and
Control Systems Integration



Expertise and Know-How for:

- COSYS
- ASW-Sonar
- Hydrographic Systems
- Simulation Systems
- VTS / Coastguard Systems
- Mine Counter Measure Systems

A Joint Venture Company of PSC Defence Electronics and ATLAS ELEKTRONIK



Cert No. 403983

Scope of Registration:
Supply, Installation,
Commissioning and Servicing of
Engineering Products and
Systems for Defence and
Commercial Applications



We are a Naval and Maritime Electronics Solution of highly innovative and quality products, systems and services that continually satisfies the customer requirements.

"On-Time, On-Cost, To-Specification"



PSC-STN ATLAS ELEKTRONIK (M) SDN BHD

(A Joint-Venture-Company of ATLAS ELEKTRONIK (Germany) and PSC DEFENCE TECHNOLOGIES)

Lot 152 & 153, Persiaran PM2,

Pusat Perniagaan Manjung,

32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan

KANDUNGAN

- 5** Lawatan Ulung DYMM Sultan Selangor ke Pangkalan TLDM Lumut
- 6** Wanita Dalam TLDM
- 8** KEDAH - Kapal Ronda Generasi Baru
- 9** LIMA 2003
- 14** Personaliti
- 15** Anugerah Kualiti KEMENTAH
- 16** Bomba TLDM
- 18** Armada: KD KASTURI
- 20** BAKAT Laut
- 21** Galley Samudera
- 22** Samudera Sihat
- 24** Mari Belajar Belayar
- 27** Silangkata Samudera
- 30** Mengurus Stress
- 33** MTL-PAPITA Lawan Bola
- 36** Cerpen



Dari Meja Ketua Pengarang



Ahoy!

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Kita kini melangkah ke tahun 2004. Tentu banyak pengalaman yang telah dilalui selama tempoh setahun ini. Ada yang manis dan mungkin ada juga yang kurang seronok untuk dikenang. Namun kita harus terus mengharungi pelbagai cabaran sambil mengejar segala bentuk pencapaian dan kejayaan yang diidamkan. Tiada yang mustahil asalkan kita sedia mengambil iktibar dari pengalaman sambil terus memperkasakan diri dengan ilmu pengetahuan.

Saat-saat begini paling sesuai untuk kita berhenti sejenak bagi mengimbas kembali apakah yang telah kita lalui sepanjang tempoh satu tahun yang baru berlalu. Adakah kita telah berjaya menyempurnakan sebilangan besar (jika tidak semua) rancangan atau hasrat yang telah ditetapkan lebih setahun yang lalu. Atau kita masih lagi di peringkat perancangan dan belum betul-betul 'bergerak' ke arah merealisasikan. Sebagai individu kita harus selalu menilai semula pencapaian diri kita. Begitu juga kita perlu menilai pencapaian diri kita sebagai seorang manusia dengan pelbagai fungsi, peranan dan tanggungjawab tertentu di dalam persekitaran kehidupan yang perlu kita harungi.

Di dalam keluaran kali ini, Samudera ingin mengenengahkan dua lagi elemen TLDM yang kurang mendapat liputan iaitu warga wanitanya dan juga pasukan Bomba TLDM. Walaupun kurang diketengahkan tetapi peranan dan sumbangan mereka tidak kurang pentingnya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada para pembaca yang terus setia bersama Samudera. Statistik yang dikumpulkan jelas menunjukkan peningkatan bilangan pembaca yang sangat ketara. Saya juga amat menghargai semua komen dan maklum balas membina yang telah diterima dari kalangan pembaca sehingga kini. Dengan input yang anda berikan saya yakin Samudera akan terus bertambah baik dari segi penampilan dan kualiti penerbitannya. Sambil itu saya juga ingin sekali lagi mengalu-alukan sumbangan bahan berbentuk artikel, fotografi dan semua bentuk karya kreatif yang sesuai dengan konsep penerbitan majalah ini.

Selamat Menyambut Tahun 2004. Tahun baru tidak semestinya dicipta azam yang baru. Memadailah jika kita menanam tekad untuk terus meningkatkan diri ke tahap yang lebih baik dari sekarang.

TLDM - Dulu, Kini dan Selamanya...

Samudera

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG/PENASIHAT:

YBhg Laksdya Dato' Ilyas bin Hj Din

KETUA PENGARANG:

Kept Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin TLDM

PENGARANG:

Lt Kdr Fadhil bin Abdul Rahman TLDM

Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

WARTAWAN:

BK PBS (I) Sabaruddin bin Abbas

LK 1 KNA Halimahton Sa'adiyah bt Kamsani

LK 1 KNA Iswardi bin Rashidi

LK 1 KNA Che Aang bin Che Latif

WAKIL LUMUT:

Lt Karimah bt Awi TLDM

Lt Masliza bt Maarif TLDM

LK 1 RGR Normahally bt Mohd Nor

Wakil MAWILLA 1:

Lt Kamarulzaman bin Ahmad TLDM

LK 1 RGR Azza bt Alwee

Wakil MAWILLA 2:

Lt Rosilawati bt Mamat TLDM

Wakil PULAREK:

Lt Nurkayu @ Nurfatimah bt Khalid TLDM

LK 1 KNA Norisni bin Aya

GAMBAR EHSAN:

PR KEMANTAH

PR MTL

PR FOC

PR KD PELANDOK

PERAJURIT

Pacific Photo Lumut

DIREKABENTUK OLEH:

Azman bin Ahmad

Inai Damai Sdn Bhd,

(Azan Media Group),

20.02, Tingkat 20, Bangunan MAA,

No. 12, Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2142 2452, 03-2145 5278

Faks: 03-2145 5279

Samudera diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada:

**Pengarang Samudera,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.
Tel: 03-2071 3165/3218
Faks: 03-2692 7677**

E-mel: editorsamudera@yahoo.com

Lawatan Ulung DYMM Sultan Selangor Ke Pangkalan TLDM Lumut



DYMM Sultan Selangor berkenan mengambil Tabik Hormat dan menyampaikan hadiah kepada pelatih terbaik

Buat julung kalinya sejak ditabalkan pada bulan Mac 2003, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj yang juga Kepten Yang Dipertua TLDM telah berkenan mencemar duli untuk membuat lawatan ulung baginda ke Pangkalan TLDM Lumut pada 27 Jun 2003. Lawatan ini diadakan bersempena dengan Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah bagi pegawai muda yang tamat menjalani latihan di KD PELANDOK. Mereka terdiri dari Pegawai Tauliah Jangka Pendek Pengambilan ke 51, Graduan Pengambilan ke 12 dan Pegawai Tugas Khas Pengambilan ke 26.

Keberangkatan baginda ke Lumut dengan menaiki helikopter TLDM jenis Ecureuil yang mendarat di Kapal Diraja (KD) LEKIU yang berada di selatan perairan Pulau Pangkor. Dua lagi kapal TLDM, KD HANDALAN dan KD PENDEKAR telah mengiringi KD LEKIU sepanjang pelayaran melalui Selat Dinding sebelum masuk dan berhimpit di Jeti Operasi Pangkalan TLDM Lumut. Keberangkatan tiba baginda juga telah disambut dengan bunyi tembakan meriam dari KD RAHMAT sebanyak 21 das yang dipanggil "Gun Salute" sesuai amalan tradisi tentera laut seluruh dunia.

Semasa berada di Lumut, baginda telah berkenan untuk melawat ke Lapang Sasar Pasukan Khas Laut (PASKAL) bagi menyaksikan demonstrasi Anti-Penganasan dan penembakan pelbagai jenis senjata yang digunakan oleh PASKAL. Baginda juga turut berkenan untuk menguji sendiri kehebatan senjata-senjata tersebut dengan disertai oleh Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah. Sesuai dengan minat dan kecenderungan baginda dalam aktiviti lasak dan dunia pelayaran, baginda dan rombongan juga sempat meluangkan masa untuk singgah di Kapal Layar Diraja (KLD) Tunas Samudera bagi melihat sendiri kapal layar jenis *tall ship* yang dikendalikan oleh TLDM. Baginda juga turut berkenan untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid An-Nur bersama-sama seluruh warga Pangkalan TLDM Lumut.

Acara kemuncak lawatan baginda ialah pada pagi 28 Jun di mana Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan

Watikah Tauliah diadakan di Padang Kawat KD PELANDOK. Ia diikuti dengan upacara penyampaian watikah tauliah kepada seramai 123 pegawai muda yang berjaya menamatkan latihan dengan jayanya di Auditorium M. Sidek Shabudin. Di sebelah tengahari, baginda telah berkenan untuk menghadiri Majlis Santapan Diraja bersama pegawai yang baru ditauliahkan dengan disertai oleh keluarga mereka di Dewan Khatulistiwa, Wisma Samudera. **S**



Minat... DYMM Sultan Selangor melihat dan menguji senjata milik PASKAL

Wanita Dalam TLDM

Wanita di dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) seringkali menjadi subjek kontroversi dan bahan spekulasi dalam perbualan di kalangan warganya. Namun tidak ramai yang mengetahui peranan dan sumbangan sebenar yang mereka mainkan serta aspirasi yang terpendam di dalam jiwa para srikandi harapan nusa dan bangsa ini.

Penglibatan wanita di dalam TLDM bermula seawal tahun 1956 dengan penubuhan Singapore's Women Auxiliary Naval Service (SWANS). Anggota-anggota SWANS ialah dari pasukan Malayan Naval Volunteer Reserve Cawangan Singapura yang berpangkalan di Teluk Ayer Basin. Pada tahun 1964, semasa Singapura masih lagi sebahagian dari Malaysia, seramai 14 orang wanita Singapura yang berumur di antara 18 ke 35 tahun telah bertugas sebagai telefonis, radar operator, dan kerani. Prestasi baik yang mereka pamerkan telah membuka ruang untuk dua orang darinya ditauliahkan sebagai pegawai wanita yang seterusnya telah berjaya meningkat hingga ke pangkat Letenan.

Selaras dengan keputusan Majlis Angkatan Tentera yang meluluskan penubuhan Kor Wanita di dalam Angkatan Tentera

Malaysia (ATM) pada tahun 1972, TLDM telah memulakan pengambilan wanita untuk berkhidmat di dalam Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM). Seramai 83 orang telah diambil dan mereka berkhidmat di unit-unit PSSTLDM di KD SRI PINANG di Pulau Pinang dan KD SRI KLANG di Kuala Lumpur. Kejayaan program ini telah mendorong kepada pengambilan anggota wanita di KD SRI MEDINI, Johor Bahru. Tiga daripada anggota wanita PSSTLDM ini telah ditauliahkan sebagai pegawai dan kemudiannya dikerah tenaga untuk berkhidmat sepenuh masa selama 3 tahun pada tahun 1977.

Pengambilan anggota tetap wanita hanya dimulakan pada tahun 1978 apabila seramai 40 rekrut wanita pengambilan yang pertama melapor diri di Pangkalan TLDM Woodlands di Singapura untuk menjalani latihan asas ketenteraan.

Kebanyakan mereka ini terdiri dari anggota-anggota KD SRI MEDINI, KD SRI KLANG dan KD SRI PINANG. Setelah tamat latihan mereka telah ditempatkan ke cawangan kerani am, kerani gaji dan stor am. Manakala pengambilan pertama pegawai kadet wanita seramai 14 orang telah dibuat pada tahun 1980. Setelah menjalani latihan wajib, mereka dianugerahkan tauliah jangka pendek pada 22 Mei 1982. Tahun demi tahun beberapa pengambilan terus dibuat untuk meneruskan kesinambungan penglibatan wanita di dalam TLDM.



Kdr Fatimah Bee bte Mohamed Hashim TLDM



Lelaki boleh... wanita pun boleh!

Kewujudan wanita di dalam TLDM sentiasa menerima perhatian yang istimewa dan khusus dari semua Panglima Tentera Laut (PTL) pada setiap masa. Berbagai usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, imej dan kebajikan mereka terus dilaksanakan oleh kesemua PTL sepanjang tempoh kepimpinan mereka. Banyak kemajuan dan peningkatan telah berjaya dicapai berkat usaha semua pihak dalam memartabatkan sumbangan serta peranan wanita di dalam TLDM. Antara yang ketara ialah bidang tugas mereka tidak lagi terhad kepada tugas pentadbiran dan logistik seperti kerani



Sehati, sejiwa, sekerja... BK TLR Low Chee Kheng dan LK 1 PWP Khuan bersama anak di rumah

dan operator komunikasi, kini bidang tugas yang mereka ceburi turut merangkumi berbagai bidang lain yang dulunya dimonopoli oleh lelaki. Mereka kini turut memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, hidrografi, komunikasi, perhotelan dan katering serta banyak lagi. Prospek peningkatan kerjaya juga diberi perhatian yang serius. Kini pegawai dan anggota wanita TLDM mampu mendongak dan memandang

bidang tugas yang mereka ceburi turut merangkumi berbagai bidang lain yang dulunya dimonopoli oleh lelaki. Mereka kini turut memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, hidrografi, komunikasi, perhotelan dan katering

lebih jauh ke hadapan dengan *equal opportunity* yang disediakan oleh perkhidmatan. Antaranya ialah peluang telah terbuka lebih luas untuk mereka mengikuti pelbagai kursus kepakaran dan pembangunan kerjaya sama seperti yang dinikmati oleh warga lelaki sebelum ini. Beberapa orang pegawai wanita TLDM pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Memerintah unit di pangkalan. Malahan sejak beberapa lama, telah ada pegawai wanita yang ditugaskan sebagai pegawai latihan di atas Kapal Layar Diraja (KLD) Tunas Samudera. Pegawai wanita terkanan di dalam TLDM, Komander Fatimah Bee bte Mohamed Hashim TLDM telah membuktikan bahawa tiada yang mustahil dicapai asalkan kita berusaha dengan bersungguh-sungguh. Di peringkat anggota Lain-Lain Pangkat (LLP), sudah pun ada beberapa anggota wanita yang berjaya mencapai pangkat Pegawai Waren 1, pangkat tertinggi dalam kumpulan LLP.



LK 1 KMR Siti Azean dan Roslina

Kalangan pegawai dan anggota wanita yang ditemui menyatakan bahawa mereka tidak pernah merasa kekok menjalankan tugas seiring dengan anggota lelaki. Mereka juga tidak pernah mengharapkan sebarang layanan yang istimewa atau lebih lembut semata-mata kerana mereka wanita. Mereka juga yakin dapat bersaing dengan anggota lelaki dalam hampir ke semua bidang dan bersedia menyahut sebarang bentuk cabaran. Rata-rata berharap agar satu hari kelak wanita akan berpeluang untuk berkhidmat di kapal-kapal perang sama seperti yang dilaksanakan oleh beberapa angkatan laut asing.

Dewasa ini wanita hanya mengisi kira-kira 4% dari kekuatan keseluruhan TLDM. Jika dilihat dari jumlah ini ternyata ia masih terlalu kecil untuk memberikan sebarang kesan yang nyata kepada sesebuah organisasi yang besar. Namun demikian, peranan dan sumbangan yang telah mereka berikan sehingga kini tidak boleh dipandang sepi. Mereka terus cekaik mengorak langkah di dalam profesion ketenteraan yang satu ketika dulu dianggap milik lelaki. Mungkinkah masa hadapan menjanjikan lebih peluang dalam semua bidang buat mereka? **S**



Gambar hiasan

KEDAH

Kapal Ronda Generasi Baru

Oleh: PR MTL



Generasi Baru untuk TLDM. Limbungan PSC Naval Dockyard Sdn Bhd telah dilantik sebagai kontraktor utama projek pembinaan ini yang menekankan pembangunan keupayaan tempatan dalam pembinaan kapal perang canggih sepertinya. Sebelum ini, beberapa kapal TLDM jenis pengangkut dan hidrografi pernah dibina oleh limbungan tempatan iaitu di Malaysian Shipyard and Engineering (MSE) dan juga Limbungan Hong Leong Lurssen (HLL).

PSC Naval Dockyard Sdn Bhd (PSC-ND) telah memeterai perjanjian kerjasama dengan German Naval Group (GNG) dalam merealisasikan matlamat pembinaan kapal ronda (PV) ini di limbungan tempatan. Peringkat awal pembinaan

dan *endurance* yang tinggi. Dengan itu juga kapal akan berupaya melaksanakan pelbagai operasi dengan menggunakan helikopter sekaligus meningkatkan lagi jarak jangkauannya sesuai peranan helikopter sebagai *force multiplier*.

Upacara pelancaran dan penamaan PV yang pertama telah berlangsung di limbungan PSC-ND, Lumut pada 25 Sep 2003. Pelancaran kapal ini yang diberi nama KEDAH, telah disempurnakan oleh Dato Seri Tunku Puteri Intan Safinaz, Puteri Sultan Kedah. Nama KEDAH dipilih mengambilkira kepentingan negeri Kedah sebagai kerajaan Melayu terawal yang wujud dari kurun

Pasti ramai yang kurang percaya kalau dikatakan bahawa kapal-kapal ronda yang masih setia berkhidmat di dalam Armada TLDM sebenarnya telah berusia hampir 40 tahun. Tak percaya? Cubalah buka buku-buku sejarah, anda pasti terjumpa catatan tentang sumbangan dan peranan penting yang mereka mainkan sejak awal kemerdekaan lagi. Setelah tahu fakta ini tentu anda setuju jika kapal-kapal ronda ini 'direhatkan' dan diganti dengan kapal yang baru dan lebih moden keupayaannya.

Sebenarnya kerajaan kita cukup prihatin dengan keadaan ini sementara lagi ia berkait rapat dengan aspek perlindungan ke atas sumber ekonomi maritim negara. Sebagai sebahagian usaha untuk meningkatkan lagi keupayaan pertahanan negara, kabinet pada tahun 1998 telah meluluskan pembinaan 6 Kapal Ronda

dilaksanakan di German di mana 2 PV pertama dibina dalam bentuk modul oleh subkontraktor GNG dan dihantar ke Malaysia untuk di pasang di limbungan PSC-ND. Pembinaan 4 PV lagi akan dilakukan sepenuhnya di PSC-ND, Lumut, Perak dalam tempoh yang telah dipersetujui.

PV dibina sebagai kapal serba boleh yang berupaya menghadapi ancaman udara dan permukaan. Kapal jenis ini juga direka dengan ciri ketahanan beroperasi untuk tempoh yang lama. Maknanya ia boleh terus *self sustained* dan beroperasi di lautan sehingga 21 hari tanpa perlu berlabuh di daratan. Ia turut dilengkapi dengan peralatan yang moden dan canggih setanding keupayaan kapal perang lain di rantau ini.

Kapal PV ini juga akan dilengkapi dengan helikopternya sendiri. Rekabentuk dan konfigurasi telah mengambil kira semua kemudahan untuk menempatkan helikopter generasi baru yang mempunyai keupayaan kombatan



Tunku Puteri Intan Safinaz melancarkan kapal KEDAH

kelima hingga kurun keempat belas masihi. Sebelum ini nama KEDAH juga pernah diberikan kepada kapal perang British pada tahun 1939 yang dinamakan *Her Majesty Ship* (HMS) KEDAH. Ia digunakan oleh armada British bagi menghadapi ancaman tentera laut Jepun semasa perang dunia kedua. Malah HMS KEDAH juga telah dijadikan lokasi perundingan damai dan tempat menyerah kalah tentera Jepun pada tahun 1945. **S**



HMS KEDAH

Ciri-ciri am PV:

- Panjang : 91.10 meter
- Lebar : 9.3 meter
- Kelajuan : 22 Knot
- Berat : 1600 Tan
- Krew : 93 (15 Pegawai dan 78 Anggota LLP).

Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) yang telah bermula sejak tahun 1991 terbukti semakin mendapat sambutan baik daripada pembuat senjata dan peralatan pertahanan termaju maritim dan aeroangkasa. LIMA '03 merupakan edisi yang ketujuh dalam siri pameran yang diadakan setiap dua tahun di pulau bebas cukai yang juga terkenal sebagai lokasi pelancongan yang cukup menarik. Pameran kali ini telah diadakan selama 6 hari bermula 30 September sehingga 5 Oktober 2003. Mengekalkan format terdahulu, LIMA dibahagikan kepada dua segmen iaitu maritim dan aeroangkasa. Pameran dan aktiviti bahagian maritim diadakan di Porto Malai di bawah anjuran HWLima Sdn Bhd manakala aeroangkasa diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) dan kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di bawah pengurusan oleh Le Proton Sdn Bhd.

Perasmian LIMA '03 telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr Mahathir di MIEC di mana serentak dengan upacara perasmian, para pengunjung telah dipersembahkan dengan pertunjukan udara yang cukup menarik oleh pelbagai jenis pesawat.

Sekitar LIMA 2003

Oleh : LK I KNA Che Alang bin Che Latiff



Antara peserta yang hadir ke SMK3

Antara persembahan yang menarik perhatian ialah demonstrasi pergerakan aerobatik helikopter jenis Alouette yang telah diterbangkan sendiri oleh Panglima Tentera Udara. Pesawat ini turut memaparkan perkataan *Thank You Dr M* dan *'Kerana Mu Dr M'* sebagai tanda penghargaan kepada beliau yang merupakan pengasas kepada pameran ini. Pertunjukan udara oleh TUDM menerusi Skuadron MiG-29N dari pangkalan udara Kuantan dan F/A-18D dari pangkalan udara Butterworth tidak kurang hebatnya. Pelbagai aksi dan pergerakan hebat telah dipamerkan secara langsung membuktikan kecekapan juruterbang tempatan mengendalikan pesawat serba canggih ini. Seperti biasa juga, persembahan dari pasukan Red Arrows yang didatangkan khas dari United Kingdom telah berjaya memukau semua penonton dengan berbagai formasi menakjubkan serta pergerakan bersepadu dan kordinasi yang sangat sempurna.

Aktiviti bahagian maritim telah dimulakan dengan Seminar Maritim Kebangsaan Ke-3 (SMK 3) yang diadakan sehari lebih awal iaitu pada 29 September. Seminar bertemakan *Smart Partnership in Managing Maritime Challenges* telah diadakan di Hotel Awana Porto Malai dan dirasmikan oleh Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak. Seramai 140 peserta dari pelbagai agensi dan industri maritim kebangsaan serta luar negara telah mengambil bahagian.

Pameran bahagian maritim telah juga dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Beliau juga telah melakukan *Fleet Review* ke atas lebih 40 buah kapal perang dari dalam dan luar negara yang bersauih

Aksi menarik Red Arrows

di perairan Tanjung Malai. Pelbagai syarikat industri maritim telah mempamerkan produk mereka yang merangkumi keperluan ketenteraan dan awam. Turut dipamerkan adalah helikopter Super Lynx TLDM yang baru diterima dari United Kingdom yang berkeupayaan melaksanakan operasi anti kapal selam dan lain-lain dimensi peperangan maritim.

Selain dari pameran peralatan pertahanan, LIMA '03 telah membuka peluang kepada industri pelancongan tempatan mempromosi produk mereka sebagai usaha menarik lebih ramai pelancong mengunjungi negara ini. Ribuan pengunjung, tempatan dan pelancong asing telah mengunjungi gerai Tourism Malaysia bagi mendapatkan maklumat berkaitan tempat menarik di sekitar Langkawi dan Malaysia. Sebanyak 12 memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani membabitkan kontrak pembekalan peralatan pertahanan di antara kerajaan Malaysia dan syarikat berkaitan. Lima '03 juga membuka ruang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat pengeluar antarabangsa, sekaligus membolehkan pemindahan teknologi berlaku. Bagi pengunjung-pengunjung awam inilah peluang terbaik bagi mereka untuk melihat sendiri pelbagai jenis peralatan yang dipamerkan serta memperoleh banyak pengetahuan berkaitan barangan yang diperagakan oleh pempamer. **S**



Armada tentera laut antarabangsa di perairan Porto Malai



MARI GUNA MEL ELEKTRONIK

Oleh: Hamir Amdan bin Abdullah

Mel elektronik atau e-mel ialah antara aplikasi yang paling banyak digunakan dalam internet. Ini kerana ia mudah dan murah/percuma untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan serta keluarga walau di mana sahaja berada. Tidak semua orang yang mahir menggunakan internet boleh mendapat manfaat sepenuhnya dari pelbagai kemudahan yang ditawarkan. Sebenarnya, e-mel amat mudah untuk dikendalikan. Bicara IT kali ini akan memberi panduan tentang penggunaan e-mel yang berasaskan World Wide Web (http://www.____.com). Ini bermakna perkhidmatan e-mel seperti ini boleh digunakan selagi komputer anda dihubungkan dengan rangkaian internet.

Apa Ada Pada Nama?

Nama memberi gambaran awal tentang seseorang. Pilihlah nama e-mel yang baik dan sopan. Mungkin buat permulaan anda rasa seronok menggunakan nama seperti tembam@namadomain.com. Tetapi apabila mahu berkomunikasi secara serius anda pasti berasa malu-malu hendak menggunakan alamat e-mel tersebut. Menukar e-mel pula bukanlah satu kerja yang mudah kerana anda terpaksa memindahkan e-mel daripada akaun-akaun yang berlainan supaya perhubungan anda tidak terputus atau terganggu. Seperti mana kita mahukan nama yang baik untuk diri sendiri, pilihlah nama e-mel yang senonoh dan munasabah supaya boleh digunakan dengan 'selesa' selama yang mungkin.

Hantar Dan Terima

Kemudahan perisian e-mel membolehkan anda memanjangkan mel yang diterima kepada teman e-mel yang lain atau lebih daripada itu. Ada pelbagai cara untuk membalas mel dan perisian e-mel memberikan anda pilihan untuk membalas kepada satu ataupun ramai penerima. Selain dari itu, anda tidak perlu sentiasa menaipkan alamat e-mel yang ingin dihantar dengan adanya kemudahan *Address Book*. Cuma perlu klik siapa yang ingin die-melkan dari senarai yang ada. Anda juga boleh merahsiakan dari pengetahuan para penerima e-mel anda siapa lagi yang dikirimkan mel yang serupa melalui salinan karbon rawak (*blind carbon copy* atau *bcc*).

Lindungi Diri Anda

Penggunaan e-mel cukup selamat asalkan anda tahu menjaga maklumat diri seperti *username* dan *password* bagi mengelakkan e-mel anda disalahguna oleh orang lain. Untuk melindungi maklumat yang dihantar atau diterima melalui jaringan internet, anda boleh menggunakan perisian enkripsi (teknik mengkod untuk merahsiakan kandungan mel anda). Anda boleh mencuba perisian PGP di <http://www.pgp.com> untuk memudahkan anda melakukan enkripsi kepada e-mel anda.

Hendak Percaya Atau Tidak

Terdapat jutaan e-mel dihantar setiap hari dan kebanyakan daripadanya adalah 'e-mel sampah' atau *spam* yang tidak berguna kepada sebahagian besar pengguna. Dalam pada itu juga, tabiat

suka 'bawa mulut' tidak terhenti dengan penggunaan teknologi digital dalam perhubungan. Menjadi kebiasaan bagi pengguna menerima e-mel yang sensasi dan secara automatik pula menyebarkannya kepada teman-teman yang lain. Tugas menapis maklumat sebegini terserah kepada diri anda sendiri. Walaubagaimanapun, sekiranya anda kerap diganggu oleh pengirim tertentu dengan berbagai jenis *spam*, anda boleh menyekatnya dengan menggunakan fungsi '*block sender*' di mana semua e-mel tersebut akan disekat oleh inbox.

Lampiran

Hampir semua pelayan e-mel memberi kemudahan untuk menyertakan satu atau lebih fail sebagai lampiran (*attachment*) bersama e-mel yang kita kirim. Kita boleh melampirkan pelbagai bentuk fail seperti gambar dan dokumen sebagai iringan kepada e-mel tersebut. Tetapi lampiran juga boleh disalahgunakan untuk menyebarkan perisian virus komputer yang berbahaya. Tanpa anda disedari, semasa anda seronok membaca e-mel, virus mungkin telah tersebar ke dalam komputer anda bersama fail yang disertakan. Ia akan

berfungsi tanpa memerlukan kebenaran anda. Pastikan yang anda tidak terus membuka fail yang diterima secara automatik terutama e-mel daripada orang yang tidak di kenali.

Tapis Mel Anda

Setelah biasa menggunakan e-mel, dalam sedikit masa sahaja anda pasti jadi terkenal dan mempunyai ramai 'kawan'. Tertakluk kepada populariti, anda mungkin akan menerima sehingga 100 mel sehari. Kotak mel anda akan cepat penuh sehingga menghalang penerimaan mel-mel baru yang mungkin mengandungi maklumat yang benar-benar penting. Biasanya 4 hingga 10 MB adalah kapasiti kotak mel yang disediakan untuk menampung sesebuah akaun e-mel kita. Sebenarnya kuota itu melebihi dari cukup. Anda juga pasti akan menerima e-mel yang tidak berguna atau dipanggil *spam*. Anda boleh menapis mel berdasarkan nama atau jenis tajuk dengan menggunakan *Filter Message*. Dengan penapisan ini anda boleh membaca mel yang penting terlebih dahulu dan mengimbas sekali lalu mel yang tidak penting. *Spam* biasanya dihantar dengan menggunakan alamat e-mel secara rawak. Oleh itu selalulah periksa tapisan e-mel anda sekerap yang mungkin.

Apa yang perlu dilakukan apabila kotak mel anda mengeluarkan mesej amaran? (Gambarajah 1)

Langkah Pertama: Pastikan *Inbox* anda tidak menampung terlalu banyak mel; buang mel - mel yang tidak diperlukan.

Langkah Kedua: Buang semua mel yang ada di dalam kotak mel yang dihantar (*Send Item*). Kosongkan sahaja kotak ini kerana semua mel telahpun dihantarkan kepada penerima.

Langkah Terakhir: Semua yang telah anda buang dari langkah pertama dan kedua akan masuk ke kotak *Trash Item* (*Deleted Item*). Jadi, langkah terakhir yang perlu anda lakukan ialah membuang semua mel yang ada di dalam kotak ini dengan mengosongkannya. **S**



Gambarajah 1

KEBERKESANAN BANTUAN LOGISTIK BERSEPADU BERMULA DARI DIRI ANDA

Oleh: Kdr Mohd Nazri bin Ahmad TLDM

Dalam isu yang lepas kita telah membincangkan mengenai konsep *Life Cycle Costing* (LCC) bagi mendapatkan kos yang paling efektif dalam pembelian peralatan sepanjang hayat penggunaan sistem persenjataan atau aset yang dibeli dari fasa konsep hinggalah ianya dilupuskan. Dengan mengambilkira semua keperluan elemen dalam ILS ianya akan dapat membantu kita dalam membuat keputusan dalam proses pelaksanaan projek atau pun perolehan peralatan dalam TLDM. Ini adalah sasaran di dalam melaksanakan ILS di mana bermatlamatkan peningkatan keberkesanan ke tahap maksima dan menurunkan kos ke tahap minima sepanjang hayat penggunaan peralatan/sistem.

Perancangan ILS secara formal atau yang bersistematik, bermula di Amerika Syarikat seawal tahun 60an oleh Robert Mac Namara, Setiausaha Pertahanan Amerika pada masa itu, selepas pihak Angkatan Tentera Amerika menghadapi kesukaran di dalam peperangan di Vietnam. Masalah bantuan logistik yang melibatkan bantuan udara bagi membantu Tentera Amerika di Vietnam. Hasil dari masalah ini Setiausaha Pertahanan Mac Namara telah mengkaji semula keperluan bantuan logistik bagi semua peralatan kapital. Dari sinilah bermulanya konsep bantuan Logistik Bersepadu atau ILS.

Pelaksanaan bantuan Logistik bagi TLDM telah digariskan melalui memo Am TLDM 7/95 dan sehingga kini beberapa projek kapal TLDM telah menerapkan nilai dan keperluan ILS dalam pengurusan projek. Projek Kapal PV yang dibina di Jerman adalah platform pertama TLDM yang melaksanakan konsep ini sepenuhnya. Projek pembinaan kapal selam yang baru dimulakan juga diuruskan sejajar dengan keperluan konsep ILS.

Perancangan bantuan logistik adalah berdasarkan kepada konsep dan dasar operasi. Daripada dasar operasi, konsep senggaraan dirumus dan keperluan elemen bantuan logistik dikenalpasti. Misalnya keperluan operasi memerlukan jangkamasa tertentu beroperasi di laut. Senggaraan mesti dirancang

untuk memastikan keperluan ini dapat dicapai yang antara lain mengambilkira jumlah jam peralatan beroperasi dan jangkamasa untuk melakukan senggaraan. Perancangan ini memerlukan bantuan logistik yang mana melibatkan kos. Pertimbangan sewajarnya antara kos dan kesiapsiagaan operasi perlu diberi perhatian. Perancangan operasi perlu mengambilkira integrasi di antara semua elemen ILS yang telah dibincangkan dalam keluaran yang lepas. Fungsi utama Operasi, Bekalan dan Senggaraan perlu disatupadukan untuk memberi bantuan logistik yang berkesan serta lebih berekonomik bagi memenuhi sasaran pencapaian kesiapsiagaan Armada TLDM sebagai contohnya.

mencapai matlamat ini:

- Melaksanakan Senggaraan Mencegah (Preventive Maintenance) mengikut jadual.
- Melaksanakan semua Senggaraan Membetul (Corrective Maintenance) sepertimana ditetapkan.
- Mengawal kelewatan masa pentadbiran dan logistik bagi:
 - Alatganti
 - Kakitangan
 - Kemudahan Latihan dan Kemahiran
 - Perkakasan Bantuan dan Ujian
 - Dokumentasi dari segi buku-buku rujukan dan lukisan.

Jika pengawalan dilakukan dengan mengambil kira integrasi dan keperluan di atas,

tahap kesiapsiagaan yang optimum akan dicapai. Pelaksanaan dan pengawalan ini terletak kepada semua anggota TLDM. Setiap anggota dari semua cawangan mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan peralatan yang digunakan diselenggara dengan betul mengikut jadual dan peralatan berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi. Tanpa kerjasama dari semua pihak sama ada pengurusan atau sokongan tahap kesiapsiagaan yang tinggi sukar dicapai. Faktor di atas perlu dikawal dan diselenggara. Kemahiran anggota perlu ditingkatkan bagi memastikan

senggaraan peralatan dapat dilakukan dalam masa yang singkat. Dengan mengurangkan masa pembaikan peralatan yang rosak dapat beroperasi semula dalam masa yang terdekat. Pegawai dan anggota yang menyelia pembaikan kapal semasa di limbungan hendaklah memastikan bahawa keseluruhan *rutin kit* yang dicadangkan oleh pihak OEM digunakan bagi mengelakkan kerosakan kepada peralatan yang tidak ditukar apabila kapal beroperasi semula.

Selaku tonggak pertahanan maritim negara, isu asas ini perlu dititikberatkan oleh semua warga TLDM bagi membolehkan TLDM meningkatkan tahap kesiapsiagaan kapal agar dapat memastikan perairan negara dapat dikawal dari ancaman musuh. Kesiapsiagaan kapal bergantung kepada kebolehsenggaraan peralatan yang diselenggarakan oleh TLDM. **S**



Projek Kapal PV menerapkan konsep ILS sepenuhnya

Tujuan utama dalam apa jua pakej bantuan logistik adalah bagi memaksimumkan penggunaan peralatan. Pembaikan peralatan tidak dapat dilakukan tanpa anggota teknikal yang terlatih dalam peralatan berkaitan dan tidak juga berhasil tanpa alatganti yang betul yang diterima tepat pada masa diperlukan. Kelewatan alatganti adalah sinonim dengan masalah kelewatan pembaikan kapal atau peralatan. Di mana silapnya adakah ianya disebabkan masalah anggota teknikal semasa memajukan permohonan alatganti atau anggota bekalan kurang arif dalam membuat perkiraan keperluan alatganti.

Untuk mencapai tahap kesiapsiagaan yang tinggi, *downtime* perlulah berada ditahap yang minima. Untuk mendapatkan *downtime* yang minima apakah tindakan yang perlu diambil? Perkara-perkara berikut perlu dikawal bagi

PIRACY ACTIVITIES, PROBLEMS, CHALLENGES AND THEIR IMPLICATIONS TOWARDS THE SECURITY AND STABILITY OF THE REGION

By: Lt Cdr Muhammad Fauzi Abd Kadir RMN (Rtd)



"Piracy" or "robbery at sea" has now become an ominous security problem. In fact, after the September 11 tragedy, piracy is being increasingly associated with maritime terrorism. In the first six months of this year alone, the International Maritime Bureau (IMB) has reported 234 cases of piracy worldwide. This represents a 37 percent increase from the 171 cases reported for the corresponding period of the preceding year. Statistics indicate that the incidence of piracy is most widespread in the Southeast Asian region, followed by the Indian Ocean and East Asian regions. Piracy normally takes the forms of robbery and hijacking of cargo ships and fishing boats. But in the process, violence has been used against the crew. This has dawned upon nations affected by piracy the urgency of cooperating in addressing "maritime terrorism".

PIRACY ACTIVITIES

As mentioned earlier Southeast Asia has registered the highest incidence of piracy in the world. For example, in 2001, 153 cases of piracy were reported in the region, in 2002, 153 cases and in the first six months of 2003, 92 cases. Among the regional states, Indonesia had been most severely hit by piracy. During this period, a total of 258 cases had been reported. This figure accounts for over a quarter of the world's

total. Malaysia was the next badly hit regional state with a total of 38 cases followed by the Philippines (26 cases) and Thailand (13 cases).

Piracy activities mainly focused on merchant shipping like tankers, containers, bulk carriers and cargo as well as "ro-ro" vessels. A report of the Royal Malaysian Navy (RMN) indicates that from Jan 2001 to Jun 2003, 25 merchant ships had fallen prey to various pirate groups. During this period, they also plundered fishing boats, especially those operating along the east coast of Sabah and the west coast of Peninsular Malaysia. RMN statistics show that during this period a total of 40 fishing boats were robbed by pirates – 10 boats in 2001, 14 boats in 2002 and 16 boats in January to June 2003.

PIRACY PRONE AREAS

According to the IMB and Malaysian maritime authorities, in Southeast Asian region, piracy is most rampant in the Straits of Malacca, Straits of Singapore, South China Sea (Indonesian Natunas and Anambas Islands), Gulf of Thailand, Northern Sumatra, Straits of Sunda, Straits of Lombok, Sulu Sea and Sulawesi Sea. In Malaysian Territorial Water (MTW) and the waters surrounding it, piracy is most prevalent along the east coast of Sabah, especially Sandakan, Semporna, Lahad Datu and Kudat waters. In these areas, most of the pirates are Filipinos. Pirates from Indonesia and Thailand are also quite active along the west coast of Peninsular Malaysia which covers Penang, Langkawi, Kukup Island, Perak Island, Jarak Island waters and off choke point areas such as Tanjung Piai, Johore and Pulau Karimun Kecil, Indonesia.

MODUS OPERANDI

Piracy in Southeast Asia has much to do with its geography. The waters around Malaysia, Indonesia and Singapore, and between Sabah and Southern Philippines are dotted with hundreds of islands with narrow channels in between. This geographical setting provides ideal hiding places for pirates and convenient escape routes for them to shake off hot pursuits from enforcement agencies. In the South China

Sea, piracy is concentrated to the south, close to the Natunas and Anambas. The victims were usually slow moving merchant ships and fishing boats. Pirates operating in this area are comparatively well organized and usually selected targets that would reap bigger returns. Firearms have been used in most of these incidents. In waters to the east coast of Sabah, particularly in the Sulu Sea and Sulawesi Sea, piracy appears to be a way of life. It is believed that many acts of piracy went unreported. The usual victims include fishermen, passenger boats and merchant ships as well as the coastal villages. And now, piracy activities are being related to maritime terrorism and militant groups after the Pulau Sipadan incident in Sabah where tourists were kidnapped and held for ransom by the Abu Sayyaf Group in Southern Philippines. They normally operate highly maneuverable "pump boats" in groups of 3 to 12 men armed with automatic weapons. Operating at night, they would close in quietly onto their victims and quickly escape through the shallow coral waters. In the Malacca Straits, pirates usually prey on fishermen fishing in international waters or waters close to international boundaries. In the Singapore Straits, the victims are usually slow moving merchant ships transiting through the area. Piratical attacks on coastal villages, on the other hand, were carried out during daylight. They require more delicate planning and involve larger groups. It is believed that some of these robberies were carried out with the assistance of local informers.

COUNTER MEASURES

Piracy had adverse implications for Malaysia's international image. Adverse media reporting and IMB statistics have yielded the wrong impression that the entire Straits of Malacca and South China Sea, which have of late witnessed a perceptible rise in piracy activity, are all within MTW. But what is even more disturbing is the belief that those involved in piracy in Southeast Asia are Malaysians. This misconception has nudged insurance companies to increase the premiums of all cargo shipments, especially those destined for Malaysia and Southeast Asia.

Malaysia supports multilateral cooperation against piracy. This is evident from the formation of the Maritime Enforcement Coordinating Centre (MECC), which coordinates all maritime enforcement activities by the RMN, Royal Malaysian Air Force (RMAF), Royal Malaysia Police (Marine and Air Wing), Marine Department, Fisheries



Heavily laden cargo vessels are usual target for pirates.

Department as well as Customs and Excise Department. The MECC is responsible for the efficient operation of the Malaysian Sea Surveillance System (MSSS) through its 3 Command Centers along the Straits of Malacca (located at Lumut, Langkawi and Johor). However, it has no asset and no command function over ships and aircraft assigned to it from time to time for specific tasks. To offset this, the government is now in the initial stage of forming a dedicated force called Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA).

Pending the formation of MMEA, the Marine Police is entrusted with the responsibility of maintaining law and order at sea within the MTW. The Marine Police has taken various actions to fight piracy, including intensifying patrols, forming task units as an intelligence team, conducting air surveillance, checking and boarding suspicious ships and speedboats especially during the night, establishing communication channel with the Marine Department and conducting special operations.

At the military level, navies of littoral states are engaged in some form of cooperative ventures with a view to having a better coordination and co-operation to monitor piracy and to conduct swift counter-strikes on piracy. Under the auspices of the Malaysia-Indonesia General Border Committee (GBC) agreement, navies of both countries conduct maritime border patrols twice a year known as 'PATKOR' (*Patrol Koordinasi* or Coordinated Patrols) in the Straits of Malacca, while the Malaysian and Philippine navies conduct joint patrols known as 'Ops PHIMAL (Philippines-Malaysia) along the common maritime border between Sabah and the southern islands of the Philippines. Malaysia also has similar arrangements with the Royal Thai and Republic of Singapore navies for joint patrols but they are limited to training and exercises only.

At the non-governmental level, the IMB has, since 1992, maintained a Piracy Reporting Center in Kuala Lumpur. It is financed through voluntary contributions from shipping companies and associations related to the shipping industry. This centre operates round the clock and broadcasts daily situation reports and issues warnings via INMARSAT-C and also posts weekly "World Piracy Status" reports through its internet website.

At the extra regional level, the Japanese and South Korean governments have been very active in promoting piracy awareness amongst regional states through workshops and navy-to-navy talks and in enhancing their commitments and efforts in combating piracy. The issue of piracy also had been highlighted and discussed at the Western Pacific Naval Symposium (WPNS) involving the navies, particularly the Navy Chiefs from 21 countries in the Asia Pacific region thus marking our mutual concern on the matter.



Piracy Prone Region...?

PROBLEMS AND CHALLENGES

In the fight against piracy, the MMEA is confronted with the following challenges and constraints:

- **Maritime Borders.** The expansion of maritime territorial claims by littoral countries has caused problems of jurisdiction particularly in the aspect of law enforcement.
- **Inadequate Law on Piracy.** All armed robbery incidents in Malaysia are covered under the domestic laws of the country, for example the Police Act 1967 and Penal Code of Malaysia. Malaysia does not have a specific domestic law on piracy.
- **Timely Intelligence Input.** This is a prerequisite for successful counter measures to combat piracy and armed robbery. It will provide early warning both to the enforcement agencies and the shipping community.
- **Real Time Incident Report.** Timely warning and accurate information would enable the enforcement agencies to get to the scene quickly and effectively.
- **Enforcement Constraints.** Enforcement agencies need sufficient number of fast counter-strike craft capable of conducting forced boarding in any sea condition.
- **Technological Advancement.** Pirates seem to have kept pace with technology. They operate faster speedboats, and are armed and equipped with the latest communication gadgets.
- **Communications System.** It is important for ships and boats to have a compatible communication system on board.
- **Logistic Support.** Efficient and effective logistic support including more advanced and sophisticated equipment such as communication sets, portable Global

Positioning System (GPS), satellite telephone and night vision binoculars are important.

CONCLUSION

Based on the present trends and reports, it is believed that piracy activities will continue to feature quite prominently in the short to medium term. The reasons and problems discussed above suggest that it will almost be impossible to achieve 'zero-level' piracy. Problems of logistics connected with the availability of suitable assets for surveillance and patrolling, political sensitivity of the neighbouring nations, law jurisdiction, the involvement of neighbouring maritime agencies in piracy activities, sophisticated communication network of the pirates, confidence building measures and methods of cooperation between the respective nations need to be addressed and taken into consideration in combating piracy. It should be noted that modern piracy includes acts of murder, robbery, plunder, rape or other villainous acts at sea, which are translated as cruelty against humanity. It is of utmost importance that every nation should seriously address piracy and armed robbery against ships and make it a top priority in any security agenda.

Failure to control and combat piracy would affect the stability and economic well-being, and jeopardize the security of nations in our region. It would also invite non-regional user countries to directly get themselves involved in protecting the security of the Sea Line of Communication (SLOC) and thereby encourage power struggle amongst those nations. However, it must be noted that piracy is an issue that calls for the cooperation of all countries before it can be stamped out. No single nation or agency could successfully suppress piracy by itself. It calls for interdependency and multilateral cooperation of many parties. It demands the involvement of all relevant agencies, the commitment of governments and the cooperation of the shipping communities to promote safety and peaceful maritime navigation in the Southeast Asian waters in the near future. **S**

Permata Yang Menyinar...

Oleh: PW II TLS Azamin bin Itam, PULAREK

Jika dilihat pada kelembutan raut wajahnya, sukar dibayangkan wanita ini sebenarnya telah menghabiskan lebih separuh dari usianya sebagai seorang anggota tentera. Bila ditanya, beliau sedikitpun tidak merasa kesal kerana memilih bidang ini walaupun banyak bidang lain yang boleh diceburinya sebagai seorang wanita.

Banyak kisah dan pengalaman menarik yang boleh dicungkil dari Pegawai Waren 1 Komunikasi Radio (PW1 KMR) Zohaida binti Mat Isa. Bukan hanya kisah tentang kejayaannya dalam kerjaya tetapi juga rentetan pengalaman sepanjang perkhidmatan beliau yang sentiasa dicorak dengan penuh kegigihan dan ketabahan. Sejenak berbual dengannya membuatkan kita turut merasa diri dibakar oleh cita-cita dan semangatnya yang sentiasa membara.

Dilahirkan di Perlis, anak pertama dari lima beradik ini telah berkhidmat lebih 21 tahun di dalam TLDM. Dengan semangat dan usaha tanpa jemu, Zohaida, 42, telah mencatat banyak pencapaian dan kejayaan manis terutama sebagai wanita yang biasa bersaing dengan lelaki di dalam kerjayanya. "Bagi saya tiada yang mustahil dalam hidup ini dan kini saya bersyukur kerana impian saya menjawat pangkat tertinggi sebagai anggota Lain-lain Pangkat (LLP) sudahpun tercapai" katanya bersungguh-sungguh. Atas keyakinan dan kegigihan itu jugalah Zohaida sekali lagi berjaya mencatat satu lagi rekod peribadinya yang tersendiri.

"Saya suka menjadi perintis dalam semua perkara malah menjadi yang

pertama mendahului orang lain adalah sesuatu yang paling saya minati". Benar seperti apa yang dikatakan, Zohaida juga adalah wanita pertama dalam ATM menceburi sukan perahu layar dan lumba basikal di peringkat antarabangsa suatu ketika dahulu. Malahan kecemerlangannya turut terserlah di dalam kerjayanya apabila beliau dipilih sebagai anggota LLP TLDM wanita yang pertama mengikuti kursus kepakaran di luar negara.

Sudah tentu kejayaan yang paling manis buat wanita yang berasal dari Kuala Perlis ini ialah apabila beliau dipilih sebagai Bintara Terbaik TLDM bagi tahun 2001. Sekali lagi beliau mencatatkan sejarah sebagai wanita pertama menerima pengiktirafan yang amat tinggi di dalam TLDM ini.

Apa yang pasti, kejayaan beliau ini tidak mungkin dicemburui oleh sesiapa pun memandangkan pencapaian beliau yang sangat istimewa dan luar biasa bagi seorang wanita.

"Saya akan taburkan pengalaman saya ini untuk generasi baru, itupun terpujanglah cara mana mereka merealisasikan kejayaan mereka" tegas wanita yang kini bertugas sebagai jurulatih di Pusat Latihan Rekrut TLDM (PULAREK) dan menyandang jawatan Pegawai Waren Rancang Kursus yang disegani. Menjadi jurulatih di PULAREK bukanlah sesuatu yang baru bagi Zohaida. Sebenarnya beliau pernah memikul tugas seperti ini sekitar tahun 1994 hingga 1996. Zohaida sekali lagi diserapkan ke PULAREK bagi menjadi *role-model* kepada generasi rekrutniti yang bakal dilahirkan bermula dengan pengambilan baru di awal tahun 2003.

Beliau yang masih belum berumahtangga mengakui bahawa sebagai seorang yang sudah biasa memikul tanggungjawab, dia tidak pernah rasa berat untuk menghulurkan bantuan pada sesiapa sahaja yang memerlukan. Ini kerana beliau berpegang pada kepercayaan bahawa apabila kita bantu melapangkan kesusahan orang, tuhan akan membalas dengan memberi kelapangan kepada kita dari sebarang masalah. Sesungguhnya Zohaida antara tokoh yang cukup

sesuai dijadikan tauladan dan kebanggaan kaum wanita lain dalam mengejar kecemerlangan kehidupan. **S**



PW 1 KMR Zohaida



Menerima Pingat Bintara Angkatan Tentera

Pencapaian

1. SUKAN:

a. Mewakili TLDM

- Olahraga - Tahun 1980 - 1993
- Bola Tampar - Tahun 1981 - 1990
- Badminton - Tahun 1989
- Perahu Layar - Tahun 1991 - 1993
- Lumba Basikal - Tahun 1985 - 1989

b. Mewakili ATM

- Olahraga - Tahun 1980-1983
- Perahu Layar - Tahun 1991-1993
- Lumba Basikal - Tahun 1985 -1989

c. Mewakili Malaysia

- Perahu Layar - Sukan SEA tahun 1991 dan 1993
- Lumba Basikal - Sukan SEA tahun 1985

2. ANUGERAH:

- Olahragawati TLDM tahun 1991 dan 1993.
- Calon Olahragawati ATM tahun 1993
- Bintara Terbaik TLDM tahun 2001
- Pingat Bintara Angkatan Tentera



Kenangan manis bersama idolanya...



HARI Q 2003

MENGIKTIRAF USAHA WARGA KEMENTAH

Oleh: LK I KNA Che Alang bin Che Latiff

Berterjemakan "Bersama Ke Arah Kualiti", sambutan Hari Kualiti 2003 boleh dianggap sebagai kemuncak pengiktirafan kepada usaha semua warga Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) ke arah menjadikan kementerian ini sebagai *role model* di dalam aspek peningkatan kualiti kerja secara berterusan. Perasmian acara

tahunan ini telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak pada 14 November.

Di dalam ucapannya beliau menyeru semua peringkat pegawai dan warga KEMENTAH supaya menerapkan nilai-nilai budaya kualiti yang unggul dan utama dalam usaha merealisasikan budaya kerja cemerlang yang disasarkan. Nilai integriti yang mementingkan sikap amanah, jujur dan boleh dipercayai semasa melaksanakan tugas menjadi asas kepada kecemerlangan budaya kerja.

Di dalam berbagai kategori anugerah kualiti yang dipertandingkan, TLDM sekali lagi berjaya mengekalkan prestasinya seperti tahun-tahun terdahulu dengan memenangi banyak anugerah. Bagi kategori Anugerah Kualiti Menteri Pertahanan, Markas Armada telah berjaya mendapat tempat kedua. Depot Bekalan Armada, Pangkalan TLDM Lumut

telah menajaya meraih tempat pertama Anugerah Kualiti Kementerian Pertahanan bagi Kategori Inovasi Sistem. Selain itu, TLDM juga berjaya memenangi anugerah dalam berbagai kategori lain merangkumi Kategori Pengurusan Sumber Manusia - Pasukan Khas Laut (PASKAL), Kategori Pengurusan Logistik - KD SRI SANDAKAN serta Kategori Inovasi Teknikal dan Pengurusan Kewangan - Markas Pendidikan dan Latihan TLDM (MPL).

Selain itu, beberapa unit TLDM juga telah menerima anugerah bagi mengiktiraf organisasi yang berjaya mengekalkan tahap kesiapsiagaan yang tinggi iaitu Markas Wilayah Laut 2 - OP PASIR LAUT dan Markas Terumbu /



Panglima Armada menerima anugerah dari Menteri Pertahanan

Stesen Gugusan Semarang Peninjau TLDM - Pangkalan Hadapan Negara. Skuadron Frigat Ke 23 telah memenangi Anugerah Khas Menteri Pertahanan bagi kategori Kesiagaan. Markas Armada telah menerima pengiktirafan kualiti dan Persijilan MS ISO 9001:2000 manakala Pusat Selam TLDM pula menerima Sijil Malaysia Book of Record bagi aktiviti penyelaman paling dalam.

Kejayaan yang diraih merupakan hasil komitmen dan usaha semua pihak yang terlibat. Usaha peningkatan kualiti yang diterapkan kepada semua warga TLDM kini semakin membuahkan hasil yang diharapkan. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab seluruh warga TLDM untuk terus meningkatkan standard kualiti dan tidak mudah berpuashati dengan pencapaian sedia ada. Semoga hasrat menjadikan TLDM sebagai *benchmark* kualiti untuk warga ATM lain dan juga agensi awam akan dapat dicapai. Sekalung tahniah buat yang berjaya. **S**



Sepakat melafazkan ikrar kualiti

BOMBA TLDM CEPAT, CERGAS & CEKAP

Oleh: LK I KNA Iswardi bin Rashidi

Mungkin ramai yang tidak menyedari kewujudan unit Bomba di dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Namun apa yang pasti, jabatan ini saban hari terus memberi bantuan dan pertolongan kepada orang ramai apabila berlaku kemalangan dan kebakaran. Salah satu unit Bomba yang terdapat di dalam TLDM ialah Jabatan Bomba TLDM KD MALAYA (KDM). Ditubuhkan pada 1 Februari 1984, dilengkapi dengan pelbagai peralatan bomba yang bersesuaian dengan peranannya untuk memberi perkhidmatan kebombaan kepada warga TLDM di sekitar pangkalan TLDM Lumut dan juga memberi bantuan kepada Bomba Awam jika diperlukan. Walaupun mempunyai sedikit persamaan dengan Jabatan Bomba Awam, namun ianya tetap mempunyai fungsi yang tersendiri. Antaranya memberi bantuan memadam, mengawal serta mencegah kebakaran di dalam dan di luar Pangkalan TLDM Lumut, melindungi harta benda serta nyawa mangsa kebakaran dan membantu menyelenggara peralatan mencegah kebakaran. Selain itu,



Jabatan ini juga mempunyai teknik mencegah kebakaran dan cara menyelamatkan yang berbeza dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Menurut Pegawai Bomba KDM, Lt Saw Chuan Hin TLDM, tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh Jabatan Bomba KDM tidak tertakluk kepada warga TLDM sahaja malah turut merangkumi semua golongan. Ini kerana Jabatan Bomba KDM telah diisytiharkan sebagai sebuah jabatan yang diberi kebenaran untuk melakukan tugas melawan dan mencegah kebakaran sekiranya diperlukan oleh pihak JBPM seperti yang terkandung di dalam Akta Bahagian Keselamatan Negara 20 (BKN 20). Tambahnya lagi, setakat ini mereka juga telah berjaya mengendalikan beberapa kes kebakaran yang melibatkan orang awam, contohnya seperti kebakaran Pusat Karaoke di Lumut dan kebakaran besar sepuluh buah rumah di Kampung Pundut. Selain itu mereka juga akan melakukan tugas-tugas sampingan seperti menebang dan

mengangkat pokok yang tumbang serta menangkap ular sekiranya diarahkan. "Kesemua kes orang awam yang ditangani oleh pihak kami mestilah mendapat persetujuan dari pihak atasan TLDM atau pihak JBPM sebelum sesuatu tindakan itu dibuat". Di samping itu, mereka juga akan dipanggil untuk mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan kebakaran kapal terbang terhempas, bangunan, bahan letupan dan kebakaran kapal.

Jabatan ini juga pernah mengalami detik cemas semasa memadam kebakaran yang berlaku di KD SRI INDERAPURA di mana Jabatan Bomba KDM telah berjaya mengawal api daripada merebak ke seluruh bahagian bahan letupan kapal berkenaan. Ini kerana sebelum itu telah terjadi letupan kuat yang mengakibatkan peluru-peluru kecil serta meriam terbakar. Risiko kemalangan yang mereka hadapi ketika itu amat tinggi. Walau bagaimanapun, kebakaran itu telah dapat dikawal dengan baik berkat latihan dan ilmu pengetahuan yang mereka miliki. Keberanian mereka di dalam melakukan tugas ini juga harus diberi pujian. Seperti kebiasaannya jua, mereka sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan ketika bertugas. Ini adalah kerana mereka sentiasa diberi pendedahan tentang keselamatan diri serta kerap melakukan latihan yang berterusan dari masa ke semasa. Menurut Lt Saw, sepanjang menjalani operasi memadam kebakaran, anggotanya belum pernah mengalami sebarang kecederaan yang serius kecuali kecederaan ringan sahaja. Selain daripada tugas yang mencabar, Jabatan Bomba KDM juga kerap mengadakan ceramah



berkaitan dengan pencegahan kebakaran kepada suri rumah di rumah keluarga TLDM. Mereka pernah diberi surat penghargaan oleh pengarah Hospital Besar Ipoh kerana komitmen yang ditunjukkan ketika memberi bantuan latihan kebakaran untuk kakitangan hospital tersebut. Di samping itu, mereka turut terlibat dalam memberi bantuan membekalkan air kepada orang ramai ketika gangguan bekalan air berlaku. Jabatan ini juga sering terlibat di dalam operasi mencari dan menyelamatkan mangsa kemalangan jalan raya. Selain itu, mereka kerap dijemput menjadi tenaga pengajar dan penceramah untuk kapal dan unit-unit TLDM yang berpangkalan di Lumut.

Untuk memastikan kecekapan anggota sentiasa ditahap tertinggi, jabatan yang dianggotai oleh 82 orang anggota ini diwajibkan menjalani latihan jasmani serta bergiat di dalam sukan yang dikelolakan oleh jabatan tersebut di samping mengikuti latihan kemahiran kebombaanan secara teori dan praktikal seperti latihan kawad hos, operasi pam dan kawad tangga, latihan senggaraan dan penggunaan alat-alat penafasan, latihan penggunaan alat-alat menyelamatkan (*rescue equipment*) serta latihan menyelamatkan mangsa menggunakan tali dari bangunan tinggi (*repelling and abseiling*). Di samping itu mereka juga dimestikan untuk menghadiri latihan harian yang telah dikelolakan oleh Sel Latihan Bomba TLDM manakala pada setiap bulan pula untuk latihan "Station Training". Untuk menjadi anggota Jabatan Bomba




Bukan sebarang buih...

Menurut Pegawai Waren II Teknisyen Letrik Senjata (PW II TLS) Naim, mereka juga sering menerima kursus-kursus yang berkaitan dengan bomba di bawah anjuran Markas Tentera Laut (MTL) dan Sel Latihan Bomba. Antara kursus yang diberi adalah seperti kursus Asas Repelling dan Abseiling, kursus Asas Bomba dan Menyelamat, kursus Hazmat Operator, kursus insentif asas melawan kebakaran dan kursus alat pernafasan *Sabre Contour*. Sepanjang kursus peserta akan didedahkan dengan pelbagai aspek kebombaanan dan keyakinan diri serta diberi latihan yang mantap dan jitu bagi menguji tahap ketahanan mental dan fizikal anggota.

Ketika ditanya mengenai peralatan pula, beliau yang diperjawatkan sebagai Ketua Sel Latih berkata setakat ini mereka telah menerima beberapa peralatan canggih antaranya seperti *Portable Gas Detector* yang digunakan untuk mengesan gas beracun, *Thermal Imaging Camera* yang digunakan untuk mengesan mangsa ketika asap tebal di samping 8 buah kenderaan bomba berlainan fungsi. Selain itu, jabatan ini juga

mempunyai peralatan bomba yang lengkap untuk membolehkan mereka memberi bantuan kepada orang ramai sekiranya terjadi sebarang kejadian atau kemalangan. Menyentuh mengenai pakaian seragam Jabatan Bomba TLDM pula, Lt Saw berkata mereka kini telah pun menerima pakaian seragam bomba TLDM baru yang hampir sama dengan pakaian seragam JBPM.

Walaupun kini Jabatan Bomba TLDM KDM telah mengharungi banyak perubahan dari segi rekabentuk bangunan dan kawasan, namun ia tetap mempunyai keistimewaannya tersendiri. Menurut Bintara Muda Pemandu (BM PKM) Razak yang telah berkhidmat selama 15 tahun di Jabatan Bomba TLDM KDM, beliau tidak pernah merasa jemu untuk mencurahkan tenaganya kepada jabatan tersebut kerana kakitangannya sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap tugas yang dijalankan. Menurutnya lagi, anggota Jabatan Bomba TLDM KDM sekarang lebih banyak mempunyai peluang untuk menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan bomba berbanding dulu. Selain itu semangat tolong-menolong antara satu sama lain yang ditunjukkan oleh mereka juga telah sedikit sebanyak menaikkan imej Bomba TLDM KDM. **S**



Menurunkan 'mangsa' yang cedera dari bangunan tinggi

TLDM, tiada pengkhususan kelayakan diperlukan. Walau bagaimanapun, setiap anggota baru akan diberi latihan asas bomba selama 3 minggu untuk menyesuaikan diri mereka dengan suasana kebombaanan. Mereka akan diajar oleh Jurulatih yang berpengalaman dan diiktiraf oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Pemandangan bomba setiap kali ada latihan kebakaran di Rumah Keluarga TLDM



KD KASTURI

19 Tahun Mengharungi Samudera Raya

Oleh: BK PBS (I) Sabarudin bin Abas

Kapai Diraja (KD) KASTURI ialah satu lagi kapal jenis korvet di dalam armada TLDM. Kapal yang dilengkapi dengan pelbagai sistem persenjataan dan peluru berpandu ini mula dibina di Limbungan Howaldtswerke Deutsche Werft, Kiel, Jerman pada Julai 1982 dan telah dilancarkan pada 14 Mei 1983. Ia juga adalah satu dari dua buah kapal korvet kelas KASTURI yang telah ditauliahkan ke dalam perkhidmatan TLDM pada 15 Ogos 1984 bagi membentuk Skuadron Korvet Ke-22. Seperti kapal-kapal TLDM yang lain, kapal ini juga mempunyai seorang 'Ibu angkat' iaitu Datin Tunku Maziah, isteri kepada Timbalan Menteri Pertahanan pada masa itu. Nama beliau turut diabadikan di kapal ini apabila lorong utama laluan di bahagian dalam kapal dinamakan bersempena dengan nama ibu angkatnya.

Antara ciri utama kapal ini ialah; panjang 97 meter, lebar 11.3 meter, berat 2280 ton, laju maksima 25 knot dengan jarak jangkauan lebih 5000 batu nautika pada kelajuan 14 hingga 18 knot. KD KASTURI

bergerak dengan menggunakan 4 buah enjin jenis MTU Diesel yang dihubungkan kepada 2 kekipas. Ia dilengkapi dengan pelbagai sistem persenjataan canggih dan

berupaya bertindak balas dalam ketiga-tiga dimensi peperangan iaitu udara, permukaan dan bawah air. Kapal ini dikendalikan oleh seramai 13 pegawai dan 111 anggota Lain-



Meriam 100 mm jenis Creusot-Loire berupaya memberi bantuan penembakan ke darat



Misil Exocet MM 40 dilancarkan daripada kapal

Lain Pangkat (LLP) yang mahir dalam bidang kepakaran masing-masing.

Nama KASTURI diambil sempena mengabadikan seorang pahlawan melayu yang terkenal di zaman Kesultanan Melayu Melaka pada kurun ke 15 iaitu Hang Kasturi. "Parang" pula diambil sebagai lambang pada plaka KD KASTURI mengambilkira kisah kehebatan Hang Kasturi yang terkenal dengan kecekapan bermain senjata tradisional melayu pada masa itu,

"Kalau takut dilambung ombak, tidak saya berada di sini.." begitulah kiasan rasa Lasykar Kanan Teknisyen Merin (LK TMK) Azmi bin Abdullah, 28, semasa beliau menceritakan keseronokan serta pelbagai pengalaman suka dan duka sepanjang berkhidmat di KD KASTURI. Baginya semua yang berlaku dan diharungi di sini menjadi kenangan yang amat bermakna buat dirinya. Pengalaman mengikuti pelbagai latihan peperangan dan bermacam evolusi kelautan di merata perairan dunia telah membolehkannya dia menjejaskan kaki di banyak negara seperti Jepun, Korea, Filipina, Kambojia dan Thailand. Namun begitu, di dalam keseronokan yang dirasai, LK TMK Azmi juga sempat menyingkap saat-saat cemas yang sukar untuk dilupakannya. Tragedi kebakaran di Bilik Jentera Utama kapal membuatkan dirinya sentiasa berhati-hati dan lebih berwaspada sewaktu bertugas. Katanya, sedikit sahaja kecuaiannya boleh mengakibatkan pelbagai kejadian buruk yang boleh membawa malapetaka kepada jiwa dan peralatan.

Lain pula halnya dengan LK 1 Peperangan Bawah Permukaan Senjata (PBS) Affendy bin Ahmad, 23. Beliau telah mengambil kesempatan bertugas di KD KASTURI untuk mempelajari pelbagai jenis evolusi yang dijalankan sewaktu kapal belayar di laut yang tentunya tidak mungkin diperolehi ketika bertugas di unit-unit pangkalan. Menceritakan pengalamannya semasa kapal dilambung gelombang besar akibat ribut

taufan berhampiran Jepun pada Oktober 2002, LK 1 PBS Affendy yang masih boleh bertahan pada ketika itu hanya mampu melihat sebahagian besar krew yang lain mengalami mabuk laut yang teruk. "Mereka seperti kebingungan dan tiada upaya untuk melakukan apa-apapun. Ada yang muntah-muntah sampai keluar muntah hijau, tak dapat berjalan dan hingga tak dapat bangun pun ada. Perikuk belanga dan pinggan mangkuk habis bertempias entah ke mana. Krew kapal semuanya merasa mabuk percuma....." ceritanya. "Kehidupan sebagai kelasi kapal telah mengajar kita hidup dalam satu keluarga, semua kerja dilakukan bersama. Bak kata pepatah "Berat Sama Dipikul, Mabuk Laut Sama Dirasai" selorohnya lagi.

PERANAN DAN FUNGSI

KD KASTURI tergolong dalam kumpulan kapal yang membentuk 'Strike Flotilla'. Ia mempunyai fungsi dan peranan tertentu di dalam menjamin pertahanan maritim dan

memberi bantuan penembakan ke darat kepada Tentera Darat di kawasan yang berhampiran dengan pantai.

PERSENJATAAN

- Misil Exocet MM 40 - Misil anti kapal yang berupaya memusnahkan sasaran sejauh 70 km.
- Meriam 100 mm - Berupaya menembak sasaran di permukaan dan udara serta memberi bantuan tembakan ke daratan pada jarak sederhana.
- Meriam 57 mm - Mampu menembak sasaran di permukaan dan udara pada jarak dekat.
- Meriam Twin 30 mm - Berperanan menangkis serangan udara dan misil jarak dekat.
- 375 mm Anti Submarine Rocket Launcher - Berupaya melancarkan roket anti kapal selam pada jarak sederhana.

SISTEM PENGESAN DAN KAWALAN PERSENJATAAN

- Radar Pengawasan Jarak Jauh DA08 - berupaya mengesan pesawat melampaui jarak 200 km.
- Radar Navigasi Decca TM 1226C - berupaya mengesan kontek permukaan dan sebagai alat pandu arah di laut.
- Sonar DSQS-21C - berfungsi untuk mengesan kapal selam pada jarak sederhana dan jauh (16 - 32 km).

Selain itu, KD KASTURI juga mempunyai geladak penerbangan yang berupaya mendaratkan pelbagai jenis helikopter dari Super Lynx hinggalah ke pesawat Nuri. Dengan usia perkhidmatannya yang telah menjangkau 19 tahun di dalam TLDM selain juga sebagai kapal terkanan Skuadron Korvet Ke-22, KD KASTURI akan meneruskan usaha ke arah memenuhi misinya untuk menjadi sebuah kapal yang sentiasa bersedia dalam apa jua situasi bagi mempertahankan kedaulatan perairan negara Malaysia. **S**



Semasa menyertai International Fleet Review 2002 di Jepun

BAKAT Laut Terus Berbakti



Antara aktiviti keagamaan yang sering dijalankan

Tahun 2003 menyaksikan BAKAT Laut (Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera) terus aktif dalam melaksanakan berbagai aktiviti berbentuk sosial dan kebajikan. Semua aktiviti yang telah dijalankan sepanjang 2003 dirangka sesuai dengan cogan BAKAT 'Bersama Berbakti' serta memenuhi objektif penubuhannya yang antara lain merangkumi:

- Memberi khidmat kebajikan kepada keluarga Angkatan Tentera.
- Merapat dan menyatu padukan ahli-ahli melalui aktiviti-aktiviti yang berfaedah.
- Menambah dan meninggikan lagi pengetahuan di dalam hal-ehwal pengurusan rumah tangga, pengetahuan am dan aspek-aspek sosial dan kemasyarakatan termasuklah seni dan kebudayaan.
- Memupuk dan meninggikan lagi semangat kesukanan di kalangan ahli

dengan mengadakan aktiviti sukan.

- Menyertai aktiviti-aktiviti amal dan sosial luar daripada BAKAT secara kumpulan sekadar yang boleh atas nama BAKAT.

Selain aktiviti berbentuk kebajikan, BAKAT Laut yang wujud di semua pangkalan dan unit TLDM, juga turut mengambil bahagian di dalam berbagai pertandingan berbentuk kesenian, kebudayaan dan juga sukan sebagai usaha mengekalkan kecergasan selain mencungkil bakat-bakat baru di kalangan ahlinya. Keupayaan mengungguli beberapa pertandingan yang disertai seperti bolajaring dan nasyid membuktikan keberkesanan usaha yang dijalankan. Samudera cuba memaparkan sebahagian besar dari aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh BAKAT Laut sepanjang tahun ini sebagai makluman semua. Semoga paparan ini akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang aktiviti BAKAT Laut serta dapat menjana penyertaan yang lebih meluas dari kalangan isteri warga TLDM sendiri.

- Kolokium Pencegahan Dadah dan Aids Ke 2 di Genting Highlands.

- Bengkel Sehari Celik IT anjuran Yayasan Pendidikan dan Vokasional Wanita Malaysia.
- Program Nur Bestari anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.
- Ceramah oleh Amanah Raya Berhad.
- Seminar Eramas dan Osteoporosis oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.
- Ceramah agama sempena Maal Hijrah
- Kelas-kelas agama, Al-Quran, memasak dan menjahit



Juara pertandingan bola jaring BAKAT antara perkhidmatan

- Lawatan ke Kompleks Kraf Kuala Lumpur sempena Hari Kraf Kebangsaan.
- Lawatan sosial ke Cameron Highlands.
- Pertandingan bola jaring antara Bakat Perkhidmatan - BAKAT Laut juara.
- Pertandingan gubahan bunga dan buah-buahan anjuran PERNAMA.
- Pertandingan nasyid antara BAKAT Perkhidmatan - BAKAT Laut juara.
- Pertandingan berzanji dan marhaban peringkat ATM.
- Majlis sambutan Maulidur Rasul.
- Majlis meraikan balu dan anak yatim sempena Hari TLDM dan ATM.

BAKAT Laut juga sedang melaksanakan Kajian Soal Selidik dan Pengurusan. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat tentang tahap pengetahuan, komitmen serta persepsi ahlinya terhadap organisasi dan program-program yang dianjurkan oleh BAKAT Laut di peringkat formasi masing-masing. Hasil maklumbalas yang diperolehi dari kaji selidik ini diharap akan dapat digunakan untuk membantu pihak pengurusan BAKAT Laut dalam merangka strategi bagi memperbaiki sebarang kelemahan pentadbiran yang wujud dan menarik penglibatan ahli secara lebih terancang. **S**



Juara pertandingan Nasyid BAKAT antara perkhidmatan



"Enaknya Mee Rebus Sutera Lekir..."

Oleh: Aboy PR FOC RMN

Hati bagai digaru-garu ingin mengetahui cerita di sebalik nama unik itu. Tidak sabar rasanya ingin menemui lelaki istimewa ini untuk mencungkil rahsia masakan yang membuat dirinya semakin popular kini.

Bintara Muda Bendari (BM BDI) Roslan bin Othman, 41, dari

bangga, Kebolehan membuat pelbagai jenis kuih dan kek menjadikan Roslan semakin dikenali dan menjadi tumpuan sekiranya ada majlis keramaian dianjurkan.

Pengalaman membuat kuih 'putu kacang' dengan menggunakan acuan yang diperbuat daripada 'pipe PVC' semasa bertugas di Terumbu Layang-layang 19 tahun lalu masih segar di ingatannya. Kebetulan pada waktu itu orang lain sedang sibuk membuat persiapan bagi menyambut hari raya. Beliau dan rakan-rakan tidak mahu ketinggalan untuk turut merasai kemegahan sambutan setahun sekali itu.

Hasil perkongsian hidup dengan Puan Maswina bt Hj Abdul Karim selama lebih 19 tahun, BM BDI Roslan telah dikurniakan seorang anak lelaki.

Selain pakar dalam masakan melayu, anak jati Pulau

Langkawi ini juga mahir dalam penyediaan masakan ala barat seperti *Chicken Chop* dan *Steak*. Namun, dengan kebolehan dan kreativiti beliau mempelbagaikan masakan, beliau mampu menambah keenakan kedua-dua masakan tersebut mengikut citarasanya sendiri.

"Saya tidak pernah mengikuti mana-mana kursus di bidang ini selain kursus di Sekolah Hospitaliti dan Katering (D6) KD PELANDOK selama 6 bulan," cerita lelaki pemalu tetapi peramah ini ketika ditanya tentang kursus yang diambil sebelum berjaya seperti sekarang.

Menceritakan pengalamannya, beliau sering dijemput untuk mengetuai tim tukang masak di majlis-majlis perkahwinan. Selain itu, beliau pernah ditugaskan untuk memasak bagi pelarian Vietnam ketika bertugas di KD MAHAWANGSA dan juga pernah dilantik sebagai

pembantu tukang masak semasa sambutan Jubli Perak Sultan Selangor pada tahun 1985.

Sebelum mengakhiri perbualan, Roslan sempat berpesan kepada rakan-rakan yang lain supaya mendapatkan seberapa banyak ilmu untuk masa depan diri dan keluarga. **S**



Kapal Diraja (KD) LEKIR cukup sinonim dengan bidang masakan, tambahan pula beliau ialah ketua tukang masak di kapal tersebut. Sebut sahaja 'Lan Canggih', ramai yang sudah dapat membayangkan betapa enaknya hasil tangan insan kreatif ini. Masakan yang paling digemari anak-anak kapal KD LEKIR sudah tentunya Mee Rebus Sutera Lekir. Sedap dan sungguh menyelerakan!

"Bila kuahnya masuk ke mulut, kelembutan rasanya bagaikan sutera...ssss...memang sedap!" Cerita Leftenan Azhar Abd Aziz TLDM, Pegawai Bekalan KD LEKIR bila ditanya asal-usul Mee Rebus Sutera Lekir. Menurutnya, nama unik itu telah diilhamkan oleh Pegawai Memerintahnya, Leftenan Komander Abdul Hamid Mohd Ali TLDM yang juga penggemar nombor satu hidangan itu. Makanan *favourite* itu mula diperkenalkan Roslan kepada warga kapal KD LEKIR sejak 2 tahun lalu ketika mula-mula menjejakkan kaki di kapal tersebut.

Tidak dinafikan Mee Rebus Sutera Lekir sememangnya enak, lebih-lebih lagi kalau dimakan ketika panas. Dengan adunan pelbagai rempah dan air rebusan daging tetel dan ubi kentang ditambah pula dengan sayuran dan ulaman yang pelbagai aneka, makanan ini begitu menyelerakan. Baunya sahaja sudah cukup membuka selera.

"Saya juga banyak mencipta pelbagai jenis kuih-muih, roti dan kek. Banyak juga tempahan yang diterima, tak menang tangan dibuatnya," cerita Roslan dengan

Mee Rebus Sutera Lekir

Bahan-bahannya

500g mee kuning
200g daging tetel (rebus)
200g udang
5 biji telur rebus
200g kentang atau ubi keledek rebus
100g udang kering
4 sudu besar serbuk kari daging
4 sudu besar cili boh
1 sudu kecil jintan manis
1 sudu kecil jintan putih
5 ulas bawang putih
5 ulas bawang merah
4 keping tauhu goreng
5 biji cili
100g sawi hijau
100g taueh
garam dan gula secukup rasa

CARA-CARA MEMBUATNYA

1. Tumiskan bawang hingga garing.
2. Masukkan serbuk kari daging, cili boh, udang kering dan jintan-jintan.
3. Masukkan air rebusan daging. Biarkan sehingga mendidih.
4. Masukkan pula keledek rebus, kacau sehingga pekat dan sebat.
5. Apabila ia mendidih sekali lagi, masukkan garam dan gula secukup rasa. Angkat dan ketepikan.
6. Celur terlebih dahulu mee kuning serta taueh dan mee sawi.
7. Cili dan tauhu goreng dipotong nipis untuk hiasan.
8. Untuk hiasan yang lebih menarik, potong daun sup dan daun bawang.





Sarapan Pagi

Oleh: **Lt Kol (Dr) Maznorila Mohamad**
Nutritionist, Hospital Angkatan Tentera Lumut

Dalam hasrat untuk melahirkan warga TLDM yang sihat tubuh badan, aspek amalan pemakanan yang betul perlu diberi penekanan. Ada ungkapan yang mengatakan bahawa 'kita adalah apa yang kita makan'. Dalam banyak keadaan, ada kebenarannya ungkapan ini. Bermula keluaran ini, panduan pemakanan yang betul akan cuba disampaikan secara berperingkat supaya dapat dijadikan panduan terutamanya kepada anggota yang bertugas di kapal. Ini kerana tubuh kita sentiasa perlukan keseimbangan dalam pemakanan seharian. Rencana kali ini akan menjelaskan perihai pentingnya sarapan pagi serta panduan untuk mendapatkan yang terbaik darinya.

'Mengapa ianya penting?'

Sarapan pagi penting untuk mengembalikan tenaga setelah tubuh berpuasa semalaman selama enam hingga lapan jam. Walau bagaimanapun

ada sesetengah dari kita tidak memperdulikan pengambilan sarapan dan boleh menahan lapar sehingga waktu makan tengah hari. Tabiat ini tidaklah menjadi kesalahan asalkan kerja harian kita tidak terganggu dengan rasa lapar dan

kurang bermaya yang biasanya dialami dalam keadaan sebegini.

Bersarapan memberikan lebih tenaga dan daya tahan. Ini kerana sarapan membekalkan kalori yang diperlukan untuk memberi stamina bagi kekal aktif sepanjang hari. Tugasan di kapal terutama dalam pelayaran memerlukan penumpuan yang lebih. Justeru kepentingan bersarapan terutama kepada pelaut tidak boleh dipertikaikan.

Pengambilan sarapan pagi boleh membantu membentuk corak pengambilan makanan secara tetap dan baik yang merupakan kunci kepada pengawalan berat badan. Tanpa bersarapan selalunya membuat kita merasa tidak salah untuk mengandakan jumlah porsi pengambilan makanan berikutnya. Alasan biasa ialah untuk menggantikan kekurangan tenaga di waktu pagi. Kadangkala meninggalkan sarapan boleh menyebabkan rasa lapar yang amat sangat menjelang tengah hari. Ini



Kway teow goreng

juga antara punca mengapa di waktu tengah hari kebanyakan kita mengambil porsi makanan dalam jumlah yang berlebihan. Oleh itu, rancanglah waktu untuk bersarapan kerana ia dapat mengurangkan risiko makan berlebihan di waktu berikutnya (tengah hari).

Jenis makanan yang diambil sebagai sarapan dapat membekalkan kekuatan tenaga yang berbeza bagi individu. Jika kita masih merasa lapar setelah beberapa jam mengambil sarapan, berkemungkinan makanan tersebut tidak mempunyai gabungan tenaga yang betul. Kandungan gula yang banyak seperti minuman manis dapat memberikan tenaga dengan cepat, tetapi dalam masa yang singkat juga bekalan tenaga akan berkurangan dan rasa lapar muncul kembali (lebih kurang 1 jam). Diet sarapan seimbang yang mengandungi zat karbohidrat, protein dan sedikit lemak boleh membekalkan tenaga yang diperlukan sehingga tengah hari.

Sarapan yang sihat

Ia mestilah mengandungi sekurang-kurangnya satu sajian dari setiap kumpulan makanan iaitu kumpulan makanan berkanji (karbohidrat kompleks), kumpulan buah-buahan dan sayuran (serat), serta kumpulan lauk-pauk dan susu (protein). Kumpulan makanan ini juga kaya dengan pelbagai zat makanan lain seperti vitamin dan garam galian.

Kumpulan makanan jenis lemak, minyak dan gula hendaklah diambil dalam jumlah yang sangat kecil. Ini kerana selain 3 jenis zat yang dinyatakan, zat makanan yang lainnya sangat rendah kandungannya. Sarapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pemakanan dan Dietetik UKM (2002), pengambilan lemak untuk diet yang berkalori 1,200kkal/hari sehingga 2,000kkal/hari adalah sebanyak 6 hingga 10 sudu teh sehari. Manakala sesetengah perancang diet di Amerika menyarankan pengambilan lemak di sekitar 2 hingga 6 sudu teh sahaja sehari untuk diet yang kandungan kalornya seperti di atas.

Pilihan Sarapan

Sungguhpun di negara kitaterdapat pelbagai jenis pilihan makanan dan minuman untuk sarapan, namun makanan yang paling popular sekali adalah nasi

lelak dan roti canai manakala minumannya pula ialah teh tarik.

Nasi lemak adalah makanan yang agak seimbang kerana ia mengandungi karbohidrat, protein, lemak serta sedikit serat. Ia mengenyangkan tetapi kandungan lemaknya sangat tinggi. Satu set nasi lemak yang mengandungi semangkuk kecil nasi, 3 sudu makan sambal tumis, 1 sudu makan ikan bilis goreng, 1 sudu makan kacang goreng, sedikit hirisan timun dan 1/2 biji telur rebus sebenarnya mengandungi 8 sudu teh minyak. Dengan mengambil nasi lemak



Roti canai hidangan popular

sebagai sarapan, keperluan lemak untuk diet harian telahpun dipenuhi.

Roti canai bukan makanan seimbang jika dimakan tanpa sayuran dalam kuah dalnya. Sekeping roti canai bersama 1/2 cawan kuah dal membekalkan karbohidrat dan protein tetapi kandungan seratnya amat sedikit. Ia juga mengandungi 2 sudu teh lemak. Untuk mendapatkan keseimbangan diet apabila memakan roti canai, tambahkan sayur ke dalam kuah dal atau makan sepotong buah sebagai ganti.

Teh tarik biasa diminum bersama sarapan. Sesuai rasanya yang manis, kandungan gulanya sangat tinggi. Sungguhpun gula ialah karbohidrat, tetapi ia adalah dari jenis karbohidrat ringkas.



Mee goreng

Bagaimana mendapatkan sarapan sihat?

Ada beberapa menu untuk sarapan yang mengandungi semua kandungan kumpulan makanan yang disarankan namun kandungan lemak dalam makanan jenis ini biasanya tersangat tinggi. Nasi Goreng, Mee Goreng dan Kway Teow Goreng adalah sebahagian dari menu sarapan yang popular di negara kita. Ia digemari ramai dan penyediaannya juga agak mudah dan cepat.

Makanan yang mengandungi lemak lebih digemari ramai kerana rasanya memberikan kepuasan yang lebih. Popia goreng lebih popular berbanding popia basah sama seperti goreng pisang yang lebih digemari berbanding pisang rebus atau mentah. Elakkan menu sarapan yang tinggi kandungan lemak serta gulanya walaupun selera kita sentiasa mahukan begitu.

Penyediaan sarapan di kapal perlu dirancang teliti agar sarapan yang dihidangkan benar-benar berkhasiat. Modifikasi diet seperti pengurangan lemak dan gula serta penambahan serat melalui sayuran dan buah-buahan dalam sarapan yang disediakan menjadikan ianya sebagai satu permulaan bekalan tenaga yang sihat.

Hari ini kebanyakan dari kita tidak lagi berkesempatan untuk bersarapan di rumah. Seringkali pilihan yang ada hanyalah makanan yang disajikan oleh restoran, kantin atau gerai yang berhampiran. Sebenarnya kita tiada pilihan selain dari apa yang telah disediakan oleh penjual. Sungguh begitu, kita perlu bijak memilih makanan yang hampir memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan tadi. Jika sambutan berkurangan ke atas makanan yang tinggi lemak atau manis, sudah tentulah penjual juga akan cuba menyesuaikan menu mereka dengan kehendak pelanggan.

Apa perlu dibuat?

Usah terlalu risau jika sarapan yang diambil tidak memenuhi syarat diet sihat seperti yang disarankan. Tiba waktu berikutnya untuk kita makan tak kira tengah hari, malam atau pun petang, pastikan ia tidak lagi berlemak dan bergula tinggi. Pastikan anda telah mengambil ke semua jenis makanan dari kumpulan yang disarankan dan pastikan juga diet anda setiap hari mempunyai serat yang secukupnya. **S**

Bot Layar

Oleh: BK PBS (I) Sabarudin bin Abas

Bahagian 1

Sejarah pengangkutan air telah wujud sejak ribuan tahun yang lalu. Dayung dan layar digunakan untuk menggerakkan kapal atau bot dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Dengan cara tersebut telah memungkinkan para pedagang untuk belayar dan berniaga ke serata dunia.


Sejarah bot layar bermula dengan rekaan sejenis mainan berbentuk kotak sabun yang dimainkan oleh kanak-kanak di tepi jalan di *Clear Water, Florida*. Bermula dari sini, Clack Mill telah merekacipta bot untuk kanak-kanak sekitar tahun 1948. Pada 1954, Darmish Alex Darmour Guard telah mempopularkan ciptaan ini di Denmark dan negara-negara Scandinavia. Menjelang tahun 1970an, bot layar mula diperkenalkan di Asia, Afrika dan Amerika Latin. Dalam masa yang sama, teknologi pembuatan bot telah berkembang dengan penggunaan bahan lebih kukuh yang dikenali *glass reinforcement plastic* (GRP) selain bahagian tertentu yang masih perlu menggunakan bahan besi kerana kekuatannya. Pada 1985, Malaysia telah menjadi ahli *International Optimist Dinghy Association* yang turut disertai oleh 46 buah negara. Menjelang tahun 90an, bot optimis mula diperkenalkan dalam Sukan Asia di mana Malaysia telah mengambil bahagian di dalam pertandingan tersebut. Kejayaan cemerlang di dalam acara ini telah membantu menjulang nama negara dalam temasya sukan tersebut.

Penubuhan persatuan perahu layar di peringkat negeri dan kebangsaan telah berjaya dilakukan di bawah kelolaan Majlis Sukan Negara. TLDM sendiri telah menubuhkan kelab perahu layarnya yang diberi nama *Royal Malaysian Navy Yacht Club* (RMNYC). Semenjak penubuhannya sehingga kini, RMNYC telah berjaya melahirkan bakat baru dalam sukan ini yang mewakili Angkatan Tentera Malaysia dan negara sehingga ke kejohanan di peringkat antarabangsa.

Bukanlah mudah untuk menjadi seorang pelayar yang baik. Banyak perkara yang perlu ada dan dipelajari terlebih dulu sebelum boleh mengendalikan bot layar. Pelayar perlu melengkapkan diri dengan asas ilmu kelautan. Antaranya pelayar perlu mengenali bahagian-bahagian bot, layar dan jenis-jenis ikatan asas seperti *clove hitch* dan *reef knots* yang sering digunakan ketika mengendalikannya. Selain itu, pelayar mesti tahu cara memasang layar dan tali-temali bot (*boat rigging*), undang-undang pelayaran, aspek keselamatan bot dan

pelayar, *point of sailing*, istilah-istilah pelayaran dan definisinya, kaedah melancar, mendarat, *capsize drill* dan *boat recovery*.

Bagi kesempatan kali ini, dipaparkan pengenalan bahagian asas bot dan layar. Seseorang pelayar perlu tahu bahagian yang terdapat pada bot dan layar kerana ia akan memudahkan pelayar mengendalikannya. Tanpa pengetahuan asas ini pastinya seseorang pelayar tidak dapat mengendalikan bot dengan lancar dan sempurna.



Bahagian Bot

Bahagian badan bot dipanggil *hull*, ia meliputi keseluruhan badan bot di bahagian lantai dalam dan lapisan luar di bawah air. Kawasan di sekeliling bot pada paras permukaan air dipanggil *waterline* atau garis air. *Keel* pula ialah bahagian bawah kapal di tengah *hull* yang berfungsi sebagai pengimbang bot. Di bahagian ini juga terdapat *rudder* iaitu kemudi bot. Pelayar akan menggunakan *tiller* untuk mengemudi arah pergerakan bot. *Top sides* ialah dinding atas yang terletak di atas bahagian *under body* meliputi keliling bot. *Bow* ialah bahagian hadapan manakala *stern* pula bahagian belakang.

Bahagian Layar

Layar memainkan peranan penting kerana tanpanya, bot pasti tidak dapat digerak dan dikendalikan. Menjadi satu kemestian bagi setiap pelayar mengenali bahagian-bahagian utama layar. Pada kebiasaannya terdapat 2 layar atau lebih pada sesebuah bot. Ia bergantung kepada saiz bot tersebut. Layar utama dipanggil *mainsail* manakala layar hadapan dipanggil *headsail*. Bahagian atas tiang utama (*masthead*) dipanggil *head* atau kepala dan bawah layar dipanggil *foot* iaitu kedudukan di antara *tack* dan *clew*. Pada layar terdapat bahagian-bahagian kecil seperti *batten* yang berfungsi untuk menegangkan kain layar di bahagian *leech*. Ia biasanya diperbuat dari bahan fiber (GRP). *Tack* pula terdapat di bahagian bawah layar berdekatan dengan *boom* bot. *Clew* yang berada di hujung layar pula berperanan untuk menerima sedikit atau banyaknya angin. Layar hadapan dikenali sebagai *jib* dan pada bahagian tepinya dipanggil *luft*. Kesemua bahagian




Bot layar untuk aktiviti riadah

yang dinyatakan di atas hanyalah sebahagian saja yang difikirkan penting dan tidak merangkumi keseluruhan bahagian-bahagian kecil lain yang terdapat di atas

layar. Di kapal layar yang lebih besar, terdapat lebih banyak bahagian dan peralatan yang setiap satunya mempunyai pelbagai fungsi yang tersendiri. **S**

Bersambung di siri akan datang....






SELAMBA...

Hidup susah... mati pun susah...



Gelagat lebu



Ops banjir...




Lain dulu, lain sekarang



Perjuangan



Soalan Siri 3/2003



BORANG PENYERTAAN

Nama:
 Alamat:
 No. Tel:

MELINTANG

1. Bahagian hadapan bot layar
2. Kapal yang melawat India tahun ini
3. Skuadron Korvet Ke 22
4. Keberangkatan Sultan Selangor ke Lumut menaiki...
5. Persatuan Penyanyi Pemuzik dan Penulis Lagu

KE BAWAH

1. Menjalankan tugas melawan dan mencegah kebakaran
2. Antara jenis masakan barat chef Galley SAMUDERA
3. Kepakaran personaliti kita kali ini
4. Sarapan pagi yang sihat perlu mengandungi...
5. ... dipilih bagi nama kapal PV yang baru

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. **HANYA BORANG SALINAN DITERIMA.**
2. Terbuka kepada semua pembaca SAMUDERA kecuali sidang redaksi.
3. Terhadap kepada **SATU** penyertaan setiap peserta.
4. Pemenang utama akan menerima baucer penginapan 3 hari/2 malam di lokasi pelancongan menarik.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Tarikh tutup penyertaan pada 29 Februari 2003.
7. Hantarkan penyertaan kepada:

Silangkata SAMUDERA
 Cawangan Rancang dan Strategi
 Markas Tentera Laut
 Kementerian Pertahanan
 50634 KUALA LUMPUR

**BAUCAR PENGINAPAN
 3 HARI/2 MALAM**

JAWAPAN SIRI 2/2003



PEMENANG!

Tahniah kepada para pemenang bagi Silangkata SAMUDERA Siri 2/2003. Pemenang akan menerima Tiket Penerbangan KL - Langkawi dan Langganan Percuma Majalah Perajurit selama 6 bulan.

Tiket Penerbangan KL - Langkawi

1. **825712 LK I KNA ROSLAN BIN IBRAHIM**
 - RANTAU PANJANG, KELANTAN

Pemenang Saguhati

2. **1080919 SJN MOHD AZMI BIN ISMAIL**
 - MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA
3. **816924 PW II TMS NORHISSAM BIN NADIN**
 - BANDAR TUN HUSSEIN ONN
4. **ZALIHA BINTI AWI**
 - MUTIARA APARTMENT, SETIAWANGSA

Pakistan & India... Been There!!

(12 Aug - 12 Sep 2003)

By: Kapt (Dr) Andrew Ng Wei Aun

“Cast off the head ropes !.....Let go all lines !”
shouted the Captain of the ship.

As the ship slowly moved away from the Lumut jetty, everybody's face was a mixture of excitement, anticipation and yet apprehension. Excitement and anticipation of the adventures ahead on the sea, the foreign land, yet apprehensive to be away from family and friends for a whole month. As for me, I was also thinking of the things I will miss – Which team would win Amazing Race 4? How would Manchester United fare in the new English Premier League season? Would Micheal Shumacher fail to win again?

One month of sailing from Lumut to Karachi, Chennai and Port Blair. This sailing operation is a training and exposure trip for the crew as well as a goodwill mission to Pakistan and India. Two ships were involved, KD SRI INDERASAKTI and KD PERANTAU.

KD SRI INDERASAKTI is a 20 year old German built Support and Logistic ship, measuring 100 metres with a heli-deck above and a huge cargo deck below. She has a complement of 200 crew including 18 officers and has enough fuel and water supply to sail around the world twice over. KD PERANTAU is a hydrographic survey ship with a crew of about 100. I was posted on board KD SRI INDERASAKTI as their medical officer. I had a medical sergeant as my assistant and a medical corporal onboard KD PERANTAU. There was also a dental officer and his assistant on board. My role was to maintain the health of the crew and also to run health programmes like CPR training, talks on hypertension, STD and diabetes. Exclusively for this trip was the Weight Reduction

Programme for those crew who was overweight. Daily morning exercise at 6.30am and modified diet was implemented.

7 Days Of Rock and Roll

The first two days of sailing was quite smooth. Then lady luck decided to leave us at the mercy of the sea. Once we left the security of the Straits of Malacca and enter the Bay of Bengal, it was obvious the sea had no intention to show us any mercy. The waves were 2 to 4 metres high, with strong winds and we were most unfortunate that the current was hitting the ship from the sides. So instead of pounding up and down (which were more tolerable), we were rolling and rocking (which were nauseating). KD PERANTAU being a smaller ship had it even worse. Sailors were falling out of their bed while sleeping. There were in fact two casualties on my ship, and performing T&S while the ship is rolling is no joke!

For 6 days we rocked and we rolled.

Nobody was spared

from seasick. A 20-year veteran sailor even commented that never in his long career had he even experienced such sea. It was a spot diagnosis. Greenish nauseated looking face, blood shot eyes from sleep deprivation, mild dehydration. All tired looking, obviously from straining against the uncooperative esophageal sphincter and projectile vomiting. Despite all the medical advances, no pharmacological treatment was able to prevail.

Karachi, Pakistan

After 9 days at sea, we sailed into Karachi waters at night and dropped anchor. Even though the current was still bent on capsizing our ship, everybody was more cheerful and looking forward for the break of dawn. The city lights were a comforting sight and a nice change from water, water and nothing but water all around. At the first light, we weighed anchor and entered the port.

Karachi is the largest and the most populous city of Pakistan with 10 million people. Urdu and Sindhi are the most common local language but English is widely spoken. The city itself appears to be a combination of old and new. The roads are modern looking but automobiles share the space with bullock carts, horses, donkeys and jaywalkers. The buildings all looked dull, sort of desert colour – dirty yellow, gray, dull mud red. In contrast, the public buses are all done up very colourfully. Each trying to outdo each other with a myriad of eye catching patterns and designs. The most interesting way to travel is with the 3-wheeled “tut-tut”. All the tut-tut drivers must be F1 certified as they were

Quaid-E-Azam's Mausoleum

very adept at weaving in and out of traffic, definitely not a ride for the faint hearted.

We were provided with armed military escort wherever we went, and guns can be seen everywhere. Every road junction will be a police with M16 and every upper class hotels and shopping complexes had AK47-armed security guards complete with metal detectors. Shops selling firearms are a common sight. The situation in Karachi appears quite tense.

I managed to visit the Shifa Naval Hospital as a sailor had right iliac fossa pain. Due to the efforts of the Pakistan navy liaison officer, it was the first time I had a specialist waiting for me rather than the other way round. Operation was done the same day and the final diagnosis was appendicular mass. The unfortunate sailor had to be warded for a week thus was not able to sail back with us, and had to fly back to Malaysia.

Everybody enjoyed the pre-arranged trip to Quaid-E-Azam's Mausoleum, an impressive white marble mausoleum built to honour the Father of Pakistan. The Naval Museum was also on the itinerary, so was the obligatory friendly football and volleyball matches and an evening reception. But everybody's favourite was the Saddam Bazaar, a colourful shopping area with a variety of delightful souvenirs. Top on the shopping list was onyx handicrafts, rosewood furniture and hand made carpets.

Chennai, India

We left Karachi after 3 days and ventured forth to brave the sea again. This time, the sea must have pitied us and the sailing was much more enjoyable. We even sighted whales on a number of occasions. However, the whales don't seem keen on a career in Sea World and none were willing to jump into the air. They were contented to intermittently blowing their spouts on the surface.

There was the expected minor outbreak of AGE and we had a most memorable Merdeka Day Celebrations somewhere off Cape of Comorin, the southern most tip of Indian Subcontinent. My patriotic feelings swelled with the choir, *balas pantun* and *sajak* contest. For 7 days we sailed peacefully and we were in Chennai.

Chennai, or previously known as Madras is located in the state of Tamil-Nadu. Most of our Malaysian Indians forefathers



Satay and rendang always get the most attention wherever served.

originated from here. Tamil is the main language. This is the heartland of Sarees, Punjab suits, brasswares, leather goods and of course authentic southern Indian cuisine. Books are also very affordable and I managed a haul of Harrison's, Kumar & Clark, Gray's and Ganong.

In my humble opinion, no shop in

the "VIP" fare and need only to line up two hours for the privilege. The story goes that the demi-god of Tirupati borrowed money from a superior god for his wedding. So, devotees come from all over the world to give money to help pay back the loan. Apparently, for each rupee you give, the god would bless you with double the amount! It is an amazing sight to see people pouring suitcase filled with money into the cauldron.

Port Blair, Andaman Islands

Port Blair is the capital of Andaman and Nicobar Islands, an archipelago of 572 islands east of India mainland, stretching 700 kilometres. Since pre-historic times, these islands were the home of aboriginal tribes. Until 1998, most of

these tribes were still unfriendly and killed any trespasser. The British built a settlement here in 1850s and it was used to harbour political convicts, the Indian Freedom Fighters.

Port Blair itself is a characterless cluster of tin-roofed buildings, built on the hilly landscape. There were not many attractions here. Of note was Ross Island, once the seat of British power, now it stands a ruin of bygone days with all the old buildings in debris and "eaten" by trees and plants. The Cellular Jail is another reminder of the gloomy past of Port Blair. It was here that the political prisoners were held in grim conditions.

Nowadays, Andaman Islands are very popular for snorkeling and scuba diving. It was most unfortunate that it rain everyday for the 3 days we were there, destroying our hopes for a snorkeling trip. We however comforted ourselves with seafood shopping. Huge prawns were only RM10 per kg and meat crabs for RM8. Almost everyone went home with at least 5 kg of prawns each. The now nearly empty ship freezer was put into good use again.

Home Sweet Home

After a month at sea, we finally re-entered Malaysian waters two days after leaving Port Blair. It was great to be back in beloved Malaysia and to be greeted with the announcement of a half-month bonus. Even happier to note was that MU is still doing great but alas, Amazing Race had to be won by a gay team. **S**



With Malaysian medical students in Pakistan.

Malaysia could serve dosai (thosai), capati, idly, rava and vadai like in Chennai. The pure ghee sweets (halwa) too were a taste to remember, and will definitely raise the blood cholesterol level several notch higher.

A group of Indian sailors from both ships organized a trip to Tirupati. 13 of us left Chennai on a night bus for the pilgrim to the temple. Tirupati is one of the most famous and the richest temple in India. The temple is made of pure gold, silver and brass. Normally, a devotee would have to line up 3 days for a chance to see the god for 30 seconds. We were "lucky" as we had paid

PENGURUSAN TEKANAN (STRESS MANAGEMENT)

Oleh: **Lt Abu Yazid bin Abu Bakar TLDM**
Pegawai Staff Psikologi & Kaunseling

Stress, secara mudahnya, boleh ditafsirkan sebagai reaksi atau tindakbalas yang merangsang kebangkitan minda dan fizikal tubuh badan manusia apabila ditekan oleh pelbagai punca (*stressors*). Punca-punca tekanan (*stressors*) ke atas setiap individu manusia boleh disebabkan oleh faktor-faktor berikut:


- a) **Persekitaran** – suasana tempat kerja, tempat tinggal dan sebagainya.
- b) **Perhubungan** – interpersonal, sosial dan sebagainya.
- c) **Fisiologikal / Biologikal** – kesihatan mental, fizikal dan sebagainya.
- d) **Emosi** – kesedihan, kegembiraan dan sebagainya.
- e) **Fikiran / Kepercayaan** – ideologi, pegangan agama dan sebagainya.

Seringkali apabila memperkatakan tentang *stress* ataupun tekanan ini, yang terlintas di fikiran hanyalah mengenai perkara-perkara negatif sahaja. Namun, tidak semua tekanan atau *stress* yang wujud bersifat tidak baik.

Hakikatnya, *stress* terdiri daripada dua komponen utama iaitu *eustress* dan *distress* (lihat Gambarajah 1). *Eustress* merupakan unsur-unsur tekanan yang positif yang memberi manusia motivasi untuk bergerak dan melaksanakan aktiviti seharian. Cuba fikirkan begini.....oleh kerana tekanan *eustress*lah, kita terdorong untuk bangun tidur dan pergi bekerja pada waktu pagi. *Distress* pula adalah unsur-unsur tekanan bersifat negatif yang menghalang individu daripada bertindak dan bekerja dengan baik, seterusnya menyebabkan keletihan (*exhaustion*) ke atas individu tersebut secara keseluruhan (mental, fizikal dan emosi). Kedua-dua komponen ini dipisahkan oleh garis

optimal *stress*, yang memplotkan situasi di mana seseorang individu telah berada pada tahap *eustress* yang optimum dan sedang terancam untuk mulai mengalami *distress*.

Apabila seseorang individu telah berada pada tahap *optimal stress*, perhatian dan usaha perlu ditumpukan ke arah mengekang punca-punca yang memberi tekanan negatif (*distress*) berterusan ke atasnya. Keseimbangan elemen tekanan positif (*eustress*) dan tekanan negatif (*distress*) ini harus dikekalkan agar



Gambarajah 1

kesejahteraan mental, fizikal dan emosi individu itu berupaya dicapai.

Seseorang individu yang berhadapan dengan *stress*, kebiasaannya mengalami simptom-simptom fisiologikal ataupun tingkahlaku seperti penambahan kadar denyut jantung dan tekanan darah, peningkatan pembebasan garam dari badan melalui pengaliran peluh yang berlebihan, kemurungan atau keseronokan melampau, kesukaran untuk bertenang dan sebagainya. Simptom-simptom ini berbeza di antara seorang individu dengan individu yang lain, begitu juga dengan langkah-langkah menanganinya.

Kewujudan sesetengah punca tekanan (*stressors*) boleh dikawal individu (seperti perubahan ideologi dan keintiman perhubungan) manakala sesetengah yang lain (seperti perubahan cuaca dan tahap kesihatan) berada di luar kawalan individu. Justeru, bagi menangani *stress* yang disebabkan oleh pelbagai punca ini, kaedah terbaik sebenarnya tertakluk kepada kemampuan individu (*stress coping ability*) yang berbeza-beza. Beberapa teknik pengurusan tekanan yang efektif bagi menangani tekanan (terutama yang berpunca daripada sumber-sumber luar kawalan) adalah seperti berikut:

a) **Teknik pengurusan cara hidup (*lifestyle management*)** – Melibatkan perubahan gaya hidup keseluruhan (diet pemakanan, penjagaan kesihatan, *esteem* sendiri) individu. Kajian menunjukkan seseorang individu yang berada di dalam keadaan fizikal yang baik berupaya meningkatkan tahap *resistance* terhadap tekanan.

b) **Teknik fisiologikal** – Kaedah yang mampu meningkatkan keupayaan seseorang untuk bertenang dan berehat. Teknik-teknik seperti meditasi dan latihan relaksasi (*relaxation training*) membantu individu melatih minda untuk berehat, seterusnya menjana ketenangan bagi keseluruhan tubuh badan. Individu yang mampu bertenang semasa tertekan akan kurang dipengaruhi oleh kesan tekanan tersebut, dan sebaliknya.

c) **Teknik kognitif** – Melibatkan kesediaan individu menerima setiap kejadian yang berlaku (terutama yang di luar kawalan) dengan fikiran terbuka. Latihan pemikiran ini secara berterusan akan membantu individu menghapuskan kebimbangan/kerisauan tidak bertempat, menerima sebarang kegagalan/ketidaksempurnaan dan mengubah tindakbalas terhadap sebarang keadaan yang menekan. Teknik ini akan membentuk ketahanan diri individu untuk berhadapan dengan tekanan kerana segala persepsi minda yang terbentuk adalah bersifat positif.

Kesesuaian teknik pengurusan tekanan (*stress management*) yang ingin dipilih oleh setiap individu hanya boleh ditentukan oleh individu itu sendiri kerana, hanya beliau sahaja dapat memahami tahap dan punca tekanan yang dialaminya. Jadi, tepuk dada tanya selera.....buatlah pilihan sendiri. **S**

Benarkah kerja sebegini kurang tekanan?



Critical Challenges of Knowledge Management in RMN

By: **Lt Cdr Chan Peng Cheong RMN**
MBA (UM) BBA (Hons) (UKM)

The Royal Malaysian Navy is enhancing the communication network with the implementation of the browser-based intranet information management system to gear our personnel and operations towards being conducted electronically. Through the implementation of the TLDMNet, we have moved forward and help realize the concept of a knowledge worker and a knowledge-rich organization. This has greatly enhanced the RMN's work culture and operations. Areas such as training, maintenance, recruitment, logistics, inventory management, data management, financial management and communications have certainly benefited from this exercise.

There is a growing importance of IT literacy among our personnel, especially in the era of 'Revolutionary Military Affairs'. The battles of the future will need K-soldiers who are innovative and proactive for K-warfare in a digital battleground. The IT know-how must go hand-in-hand with the modernization process for the RMN.

The provision of comprehensive information technology infrastructure alone would not increase the knowledge applications. The human factor in knowledge management is equally important to determine the success in the development of a knowledge society in the RMN. It is the discipline dedicated to more deliberate means of people creating and sharing knowledge - data, information, and understanding in a social context - to make the right decisions and take the right actions. Knowledge Management caters to the critical issues of organizational adaptation, survival, and competence in face of increasingly discontinuous environmental change. Essentially, it embodies organizational processes that seek synergistic combination of data and information processing capacity of information technologies, and the creative and innovative capacity of human beings.

The era of technology has given way to the knowledge era, as more organizations would begin to use their knowledge power as a competitive edge than rely solely on technology. The success of knowledge management systems depends on the ability of seamlessly integrating technologies and nurturing a culture that encourages knowledge sharing. RMN needs to formalize and codify the knowledge resources so that the personnel and inputs can become assets that owned and stay with the organization. All heads of department should adopt a more open attitude on the need to apply knowledge management

to improve the efficiency and performance in producing a knowledge naval society.

Old practices, mechanisms and structures had to be upgraded and strengthened so that policy decisions were filtered down quickly, implemented effectively and performance could be better monitored. As such, recovery measures could be put in place to overcome problems and meet specific targets.

Commanding Officer of ships in particular should create an environment in which ship's company are encouraged to share and even rewarded for sharing what they know. Commanding Officer should be an officer who is able to motivate his men to share what they know, he must understand technology and have some background in human resources and organizational development.

“decision makers often strive to achieve a level of understanding that reduces their uncertainty to a level that meets their individual comfort zone before and after they make key decisions.”

The key issue is not about the latest information technologies, but whether those technologies are used within, and for facilitating, a culture of information sharing, relationship building and trust. With communication and trust, set within the solid framework of a component architecture, we can harness that elusive ability to get the right information to the right people at the right time for the right purposes.

It is interesting to note that decisions used to support information warfare, intelligence, logistics, fires, air, maneuver, command and control, and force protection functions require decision makers capable of making sound, timely decisions in the face of uncertainty. To ensure sound decisions are made, decision makers often strive to achieve a level of understanding that reduces their uncertainty to a level that meets their individual comfort zone before and after they make key decisions. Providing information in a form that promotes knowledge needed to achieve understanding is not easily achieved. That action requires commonly understood procedures, the proper

mix of people with the requisite skill sets, equipment, communication and recognition of the type and form of information needed to promote knowledge that achieves understanding linked to key decisions anticipated to be made. RMN has to ensure that information is effectively managed so that it is provided to those that need it, in a form that quickly promotes knowledge needed to achieve the levels of understanding required before and after decision are made. Knowledge Management could provide RMN with a tool for managing the information and experience of its resources.

Organization needs to maximize individual learning and then make that learning available to other organizational members. This is referred to as creating "local value." The rule of thumb is that efforts devoted to individual learning must produce value for the individual and for the effort that he or she is engaged in. Once individual learning occurs, lessons can be aggregated, validated, and synthesized to produce organizational learning.

Knowledge loss and anticipated displacement of personnel will dramatically impact every day operations in every organization in the RMN. Organizational agility will be dramatically decreased by lost in senior leadership talent. The explicit knowledge archived more often than not is insufficient to support decisions required by new, less experienced senior leadership decision makers.

In order to effectively approach the implementation of knowledge management processes and systems in organizations, one must be aware of the possible factors that can influence its success or failure, which include culture, leadership, technology, personnel motivation, and external factors. Therefore, in designing knowledge management systems, whether it is to enhance efficiency or for strategic innovation, the challenge is to develop a knowledge management system that would be most effective towards achieving knowledge based navy.

A successful knowledge management program begins with a foundational strategy that integrates the organization's strategy. The process will focus on how is knowledge shared and what techniques or approaches are useful for managing knowledge. In terms of measurement, what is not measured is not managed. While difficult, it's important to assess the impact of knowledge management interventions to determine their success in the RMN. **S**

Ekspedisi Berakit Sungai Perak KD SRI KLANG

Oleh: Lt Muda Mohd Shukor Chin PSSTLDM

Hari ini, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Laut bukanlah suatu nama baru malah semenjak ditubuhkan di beberapa buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), telah melahirkan ramai pegawai bertauliah dan berkebolehan. Sehingga kini, PALAPES Laut telah bertapak di 5 buah universiti iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti



Armada KD SRI KLANG menawan Sungai Perak



Berat sama dipikul...

Malaya. Pasukan-pasukan ini berada di bawah seliaan unit Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) masing-masing.

KD Sri Klang (KDSK) adalah unit yang menyelia dan bertanggungjawab ke atas PALAPES Laut Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang ditubuhkan pada Jun 1997 dan Universiti Malaya (UM) pada September 2000. KDSK bertanggungjawab dengan menyediakan tenaga jurulatih yang terdiri daripada pegawai serta bintang yang berpengalaman luas dalam ilmu pelayaran serta ketenteraan.

Sukatan mata pelajaran, kuliah dan latihan turut disediakan oleh KDSK yang mana kuliah-kuliah akan mendedahkan tentang Kejuruteraan Marin, Pandu Arah Am, Pandu Arah Falak, Komunikasi, Persenjataan, Undang-undang Pelayaran dan Pentadbiran di samping Latihan Penembakan, Latihan Lasak, Pengawasan Kerosakan dan Pencegahan Kebakaran serta Kawad Kaki TLDM. Ini bertepatan dan sejajar dengan tujuan utama penubuhan PALAPES Laut iaitu bagi melahirkan graduan yang cemerlang, berdisiplin tinggi, berkeyakinan diri, berketahanan dalam aspek fizikal dan mental serta mempunyai ciri-ciri intelektual

dan kepimpinan sepertimana yang ditekankan dalam TLDM.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, KDSK turut memainkan peranan dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti sampingan yang lasak dan

mencabar untuk anggota-anggota dalam latihannya. Antaranya ialah Ekspedisi Berakit Sungai Perak yang dijalankan pada 12 hingga 14 September lalu dan melibatkan kira-kira 250 orang peserta. Ekspedisi ini bukan sahaja disertai oleh para Pegawai Dalam Latihan (PDL) dari UiTM dan UM malah turut dijayakan oleh warga KDSK sendiri.

Ekspedisi berakit ini ialah idea Pegawai Staf KDSK, Lt Kdr Ismail bin Othman TLDM. Beliau telah mengetuai hampir 30 buah rakit menyusuri Sungai Perak selama hampir 9 jam. Ia kelihatan seolah-olah sebuah armada rakit yang besar dan gagah. Ekspedisi ini banyak menguji ketahanan fizikal dan mental PDL yang terdiri daripada Pegawai Kadet Kanan dan Pegawai Kadet kerana mereka dikehendaki membuat sendiri rakit dengan buloh dan pelampung yang disediakan. Malah, mereka turut dibekalkan dengan bekalan makanan yang terhad sepanjang ekspedisi.

Setiap rakit diketuai oleh seorang Leftenan Muda yang bertindak sebagai Pegawai

Memerintah atau CO. Jadi, disinilah rasionalnya idea ekspedisi ini dijalankan iaitu untuk melihat kewibawaan seorang CO dalam memastikan rakitnya disiapkan dengan kuat dan kukuh, bekalan makanan mencukupi untuk perjalanan yang jauh dan keselamatan krew rakitnya terjamin di samping perjalanan yang lancar tanpa masalah, ia memberi gambaran sebenar tugas seorang CO di kapal dan mendedahkan kepada para pegawai muda betapa besarnya tanggungjawab yang perlu dipikul dalam sebarang keadaan. Sudah tentu pengalaman dan pelajaran yang diperolehi sepanjang ekspedisi berakit ini akan tersemat di dalam ingatan semua yang terlibat.

Ekspedisi dan pelbagai aktiviti yang dianjurkan bukan sahaja menekankan aspek ketahanan diri, fizikal dan mental anggota malah dapat memupuk semangat setia kawan serta hubungan mesra antara satu sama lain umpama sebuah keluarga dalam KDSK. **S**



Juara rakit berhias?

BOLASEPAK PERSAHABATAN MTL *Lawan* PAPITA

Oleh: PW II Kamal bin Muid

Aksi di padang sama hebatnya dengan di luar gelanggang. Ada pemain berlari, ada artis menari. Pemain menyepak, peminat bersorak. Semuanya nampak hebat. Cuma gelanggang agak lengang sebab penonton tak ramai yang datang..!

Pada 23 Oktober bertempat di Stadium ATM, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur telah berlangsung perlawanan bolasepak persahabatan di antara Markas Tentera Laut (MTL) dengan pasukan pilihan artis Malaysia dari Persatuan Penyanyi Pemuzik dan Penulis Lagu (PAPITA). Perlawanan persahabatan bolasepak bukanlah sesuatu yang baru, tetapi lain halnya dengan perlawanan di antara PAPITA dengan MTL, penonton bukan sahaja disajikan dengan aksi mantap pemain di padang, malah di luar gelanggang mereka dihiburkan pula oleh persembahan bergaya dan bertenaga dari artis pilihan PAPITA. Barangkali, ini satu strategi yang baik bagi kedua belah pihak.



Peminat setia...

Di pihak PAPITA, program ini lebih kepada mempromosi aktiviti persatuan itu dan memperkenalkan artis baru. Presiden PAPITA M.Daud Wahid berkata, perlawanan ini bukan sekadar untuk mengeratkan silaturahmi di antara PAPITA dengan warga MTL, tetapi yang lebih penting ialah program ini sebagai latihan kepada artis menjaga kesihatan dan meningkatkan stamina. Katanya, "artis perlukan stamina untuk berlakon dan pengawalan nafas yang baik semasa menyanyi.



Bertukar cenderahati... MTL - PAPITA

Pihak PAPITA bersedia pada bila-bila masa jika diundang menghiburkan perajurit kita yang bertugas di bawah misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu". Menyentuh tentang wawasan PAPITA, M.Daud berkata, PAPITA masih lagi berusaha untuk memperolehi bangunan sendiri. PAPITA membariskan artis Deen Maidin, Roy Azman, Zulkifli Ahmad serta ramai lagi dengan artis veteran Dhalan Zainuddin bertindak sebagai ketua pasukan. Pasukan MTL dibarisi pemain-pemain veteran dari Kelab Bintara MTL.

Program sukan MTL adalah salah satu usaha berterusan untuk menggalakkan warga MTL bersukan. Malah, Panglima Tentera Laut sendiri telah mengarahkan program sukan dilaksana dengan lebih serius di kalangan warga TLDM untuk mengekalkan kecergasan selain mengelakkan masa lapang dipenuhi dengan aktiviti yang kurang sihat. Kerajaan Malaysia sendiri turut menggalakkan rakyatnya bersenam sekurang-kurangnya 20 minit, 3 kali seminggu.

Dalam perlawanan yang berlangsung lebih satu jam itu, pasukan MTL dan PAPITA terikat dengan keputusan seri 1-1. Semoga lebih berjaya dipertemuan yang akan datang. **S**

Bergambar kenangan...



Ekspedisi Pendakian Gunung Angsi oleh SKTLDM Parit - 24 hingga 28 Sep 03



Gunung sama didaki, lautan sama diharungi

Berbakti kepada yang tiada...



Terima kasih daun keladi



LIMA '03 - 30 Sep hingga 5 Okt 03



YAB Perdana Menteri semasa melakukan 'Fleet Review'



Menteri Pertahanan mencuba tarian 'Pocho-Pocho'



KSU KEMANTAH, Datuk Subhan di Upacara Menandatangani Kontrak dan Penyerahan Surat Niat

Hari Keluarga Markas Tentera Laut di Desa Water Park- 18 Okt 03



Takkan air aje kot?



Pegang kuat-kuat... nanti jatuh



"Cepat turun nak, ayah pulak..."

Majlis Berbuka Puasa di KD MAHAWANGSA - 15 Nov 03



*Selamat datang ke
KD MAHAWANGSA*

*"Kami warga KD MAHAWANGSA mengucapkan
Selamat Hari Raya..."*



Salam kosong saja ke...?



YAKIN Pada Diri Sendiri...

Oleh: Aboy PR FOC RMN

Boring betul aku. Pagi-pagi dah kena mengadap pokok getah. Dengan nyamuk, semak-samun ni ha. Busuk pulak tu...eeiii", Sharul mengerut di dalam gelap sambil memasukkan getah sekerap yang baru diumpil ke dalam baldi.

Suasana keliling sunyi sepi. Yang kedengaran hanyalah bunyi cengkerik dan keridik diselangi suara unggas rimba menyambut kedatangan pagi yang indah.

"Nyaman sungguh pagi ini, ye Sharul. Burung-burung berkicauan, unggas-unggas berterbangan, anak ayam berlari-lari ... anak itik terenang-renang." Mak Piah memecah hening pagi itu sambil mengunyah biskut, bekal yang dibawa dari rumah. Matanya mengerling ke arah anak bujangnya yang sedang menguis-nguis dedaun getah. Sharul macam selalu. Diam tak bersuara. Wajahnya langsung tak ceria. Mak Piah faham benar perangai anaknya yang seorang itu. Mesti ada benda yang dia mahukan.

"Rul, kita ni bukan orang senang. Harapkan pokok getah ni ajelah untuk mengisi perut kita tiga beranak. Mak suruh kerja, kamu tak mahu. Nak suruh sambung belajar pun, setakat tu je yang kamu mampu." Mak Piah bangun sambil tangannya tangkas memasukkan ketul-ketul sekerap ke dalam guni beras sebelum dihantar ke stor untuk diproses.

"Rul bukan apa mak. Malas la nak menoreh-noreh ni. Takde masa depan. Pulak tu, orang lain semua dah ada motor, kereta. Rul ni, dok usung basikal buruk tu ke hulu ke hilir. Tak glamour

langsung!" Sharul meluahkan apa yang terbuku di hatinya.

"Glamour pala hotak kamu! Suruh sekolah pandai-pandai, lain yang kamu buat. Makan minum pun kita yang tanggung, ada hati nak sara anak dara orang. Hisap rokok berlagak macam gaji dua tiga ribu. Dah tu, periksa tak pernahnya pass. Manjang duduk nombor last. Nasib baik SPM dapat 3. Sudah! Pegi tolong mak kamu angkat sekerap tu!" Tiba-tiba suara ayahnya memecah belon-belongan di kepala Sharul. Kantoi... bila masa pulak orang tua ni muncul, bisik Sharul dalam hati.

Petang itu seperti selalunya, Sharul memencilkan diri di atas pokok bacang di belakang rumahnya. Pokok yang banyak cabang itu nampak menarik tambah lagi bila Sharul meletak beberapa keping papan sebagai tempat duduk. Di situlah Sharul menghabiskan sisa-sisa petangnya sambil berangan-angan kosong hingga terlelap.

"Assalamualaikum! Woi..Rul. Takde kerja lain ke kau ni. Buat la benda yang berfaedah sikit. Meh, turun kejap." Tiba-tiba tidur Sharul diganggu suara Zaki, kawan baiknya.

"Emmm...apa hal ni Ki..kacau la kau ni. Aku nak landing pun tak senang," Sharul terpisat-pisat di atas pokok bacang sambil menggenyeh matanya yang mengantuk.

"Ini ha...cuba kau tengok ni. Rezeki Rul. Rezeki." Zaki menayang-nayangkan keratan suratkhbar ke muka Sharul.

Dengan lemah lesu Sharul turun dari pokok sambil merampas keratan tersebut dari tangan Zaki.

"Alamak..kau nak masuk askar ke... Dah tak sayang nyawa?" Sharul memandang Zaki dengan ragu-ragu.

"Apa la kau ni. Cakap macam orang tak sekolah. Cuba la positif sikit Rul. Nak mati, kat mana-mana pun boleh mati. Kau tu. Elok-elok bernafas kat atas pokok tu, alih-alih keras tak bernyawa. Hidup mati tu kerja Tuhan Rul. Selagi hidup ni, kita kena baiki diri kita. Sampai bila nak menyusahkan mak bapak. Aku tak sanggup dah nak hidup macam ni. Jom, kita cuba." Berkobar-kobar betul Zaki menyuarakan hasratnya. Sharul diam.

"Entahlah Ki. Boleh ke aku ni? Lagipun orang kata, benda-benda macam ni kalau takde saudara atau 'orang dalam', susah nak dapat.

Aku tak yakin la Ki..." Sharul mengeluh perlahan.

Nampaknya ada tanda-tanda positif yang Sharul berminat.

"Hish! Kau ni. Jangan dengar cakap orang dan jangan suka bergantung. Yakinlah sikit. Engkau tu, badan boleh tahan. Dah tu pulak bukan takde pelajaran. Rupa paras tu belakang kira. Yang penting kau minat, kuat semangat dan sanggup ikut arahan. Kalau ada orang tolong pun tapi badan lembik macam sotong, tak guna juga. Suruh itu tak boleh. Suruh ini tak mahu pun tak jamin boleh dapat Rul."

"Lagipun kita mesti

tunjuk kat orang kampung yang kita ni berguna, Rul. Bukan kerja menghabiskan beras mak bapak. Aku dah tak lalu asyik kena sindir hari-hari. Badak pun boleh pekak kalau tiap-tiap jam kena leter." Zaki meluahkan isi hatinya.

"Hishh..kau ni pandai betul jual minyak sampai terpedaya aku dibuatnya. So, bila temuduganya? Berkobar-koborlah pulak semangat aku ni." Sharul nampak tak sabar.

Malam itu di rumah Sharul.

"Apa??!! Nak masuk Navy? Kamu jangan nak mengarut. Apa..dah takde kerja lain lagi dah? Tak payah! Tak payah! Gaji tak sesen mana. Kamu tu pun bukannya cerdik. Dah tu pemalas pulak. Hei..ingat kamu boleh dapat? Toksah mimpilah." Ayahnya tiba-tiba berang bila Sharul menyuarakan hasratnya itu.

"Dengar sini. Kalau takde saudara-mara dalam navy tu, usah mimpi la kamu nak dapat senang-senang. Tolong aku motong lagi baik." Ayahnya mematikan ayat sambil berlalu. Sharul diam. Mak Piah yang memerhati sejak tadi perlahan-lahan menghampiri anak bujangnya itu.

"Sudahlah Rul. Ayah kamu memang macam tu. Mulut je bising. Kamu bukan tak tau. Betul ke kamu nak masuk navy ni?" Sharul memandang wajah ibunya sambil mengangguk.



Gambar hiasan

"Bila kamu nak pergi?" Ibunya seakan memberi semangat.

"Temuduga awal minggu depan bu. Boleh ke Rul pergi bu? Rul pun teringin nak kerja sendiri. Mungkin dah sampai masanya Rul ubah diri Rul yang tak berguna ni. Sampai bila kita nak hidup macam ni,

dicaranya berulang kali, tak sabar hendak ditunjukkan kepada ayah dan ibu. Dia tercungap-cungap.

"Ibu...!! Ayahhhh...Sharul berjaya!!!" Sharul menerpa ke arah ayah dan ibunya yang baru balik dari pekan. Diunjukkan surat yang diterima pagi itu dengan penuh bangga. Ayahnya sedikit bungkam menelek surat yang bersampul coklat itu.

"Alahhh...tak sampai sebulan nanti, menggelabah la cari jalan balik tu. Tak ke mana perginya kalau dah hidup asyik menyusahkan mak bapak!" Sharul tersentak apabila ayahnya melemparkan surat-surat itu ke mukanya yang mula merah padam. Dengan linangan air mata Sharul mengutip helaian harapan yang bertaburan itu lalu membilang anak-anak tangga menuju ke bilik. Sayu benar dia. Mengapa ayah tidak mahu memberi peluang? Mengapa ayah terlalu keras dengan keputusannya?

"Rul, jangan menangis. Askar mesti kuat, kan? Tabahlah sikit. Ayah kamu cuma memberi nasihat. Anggaplah itu satu cabaran Rul. Sudahlah. Mari kita makan." Hanya ibu yang memahami perasaannya. Hanya ibu yang mengerti betapa besar harapannya untuk berubah. Ibu sahaja yang tahu dia juga punya cita-cita.

"Terima kasih bu..." Sharul memeluk ibunya sambil menangis tersedu-sedu. Matanya semakin merah menampung kolam hiba.

Sharul menutup pintu belakang mess bujang yang menghadap ke laut. Lama benar dia bermenung mengimbas kembali kenangan tujuh tahun lalu. Ayah! Walaupun kau memandangku dengan seribu penghinaan, aku tetap menatangmu penuh kemuliaan. Sharul mengeluh perlahan. Itu dulu. Sungguh tidak disangka. Segala-galanya sudah berubah kini. Ayahnya yang begitu berkeras tidak membenarkan dia memasuki TLDM, diam-diam mengiriskan belanja untuk Sharul melalui surat yang dikirim ibunya saban bulan seawal kemasukan Sharul di Singapura dulu sehingga dia berpangkat Laskar Kelas Dua dan kini bertugas di Pangkalan TLDM Lumut. Tidak cukup dengan itu, Sharul tidak putus-putus menerima bungkusan makanan dari kampung. Bimbang benar orang tua itu, takut anak bujangnya tidak cukup makan di tempat orang.

Sharul pula sememangnya penjimat, pandai mengurus perbelanjaannya. Dengan pangkat Bintang Muda yang dipikulnya kini, dia sudah mampu memiliki kereta dengan wang gajinya sendiri. Dia bangga. Berkat kesabaran dan keyakinan diiringi restu kasih ibu, Sharul berjaya mendisiplinkan diri sekaligus merubah masa depan diri dan keluarga. Dia juga tidak pernah mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga di kampung. Wang gaji bersih yang diterima bulan-bulan tidak lupa dikirimkan separuh untuk mereka.

Makan pakainya cukup. Tiada apa yang hendak dirisaukan. TLDM memperuntukkan bermacam keistimewaan untuk kemudahan anggotanya. Sara hidup dan pakaian semua percuma. Tempat tinggal apalagi, cukup selesa dengan kelengkapan perabot. Elaun lain cerita. Pencen lagi. Fuh! Pendek kata tidak rugi Sharul menghambakan diri apatah lagi kerjaya itu cukup menjanjikan pulangan berharga buat dirinya dan keluarga.

Sharul berjanji, pengalaman lalu akan dijadikan guru terbaik untuk dia terus mengharungi liku-liku hidup yang semakin mencabar. Akan terpahat kuat dihatinya pada kata-kata hikmah panglima yang dihormati; kejayaan sebenarnya satu perjalanan, bukan destinasi. **S**



Gambar hiasan

kan bu?" Sharul melepaskan segala-galanya biar ringan sedikit beban fikir yang mencengkam benaknya.

"Lagipun, teringin juga Rul nak tengok ibu dan ayah hidup senang sikit macam orang lain. Bukan nak mewah, tapi bolehlah makan sedap sikit. Baju berganti baru. Rumah ni ha. Kalau ada rezeki lebih nanti bolehlah kita repair sikit-sikit mana yang goyang, berlubang sana-sini dan hi..hi..besarkan dapur!" Menitis air mata Mak Piah mendengar kata-kata Sharul. Rupa-rupanya anak yang dianggap tidak mendatangkan hasil itu ada niat suci nak membantu keluarga.

"Lagipun, kerja askar ni bukan ke mulia bu? Dapat berbakti kepada negara, mempertahankan tanahair tercinta. Oh! Pahlawanku... Keranamu Malaysia, Jalur Gemilang!!!" Sharul seronok. Tak sabar benar dia.

"Kalau macam tu, mulai esok kamu bangun cepat sikit. Kita pergi buat getah keping, boleh jual. Duitnya nanti kamu simpan untuk belanja pergi ke sana. Simpanan ibu pun ada, boleh tambah." Sejuk hati Sharul mendengar kata-kata ibunya.

"Terima kasih bu. Besok Rul bangun sebelum subuh!" Sharul berlalu ke bilik sambil menyanyi-nyanyi kecil.

Tiba hari yang ditunggu-tunggu.

Sharul resah. Ramai betul yang datang untuk pemilihan awal. Masing-masing dengan gaya dan lagak tersendiri. Tak kurang juga ada yang cuba memancing perhatian penguji dengan sembang kosong penuh makna. "Nak mengayat la tu," bisik Sharul kepada Zaki. Dia nampak kemas dengan kemeja kotak-kotak lengan panjang yang dipadankan dengan slack hitam. Segak.

Pemilihan awal agak mudah bagi Sharul namun berjaya atau tidak hanya akan diketahui sekiranya dia menerima surat panggilan untuk ke pemilihan akhir dua minggu kemudian.

Selepas dua minggu 2 hari....

"Yahooooo...!!!" Sharul melonjak gembira menerima berita yang paling ditunggu-tunggu. Surat panggilan ke pemilihan akhir rekrut

PENGORBANAN KASIH

*Samudera
Akur diri mengbitung gelombang
Terasa jiwa resah gelisab
Sayup sayu hati
Nun jauh di tinggal*

*Badai, taufan irama merdu
Menggesek biola pilu
Walau hati teringat
Walau monolog bermain*

*Kau jauh di sana
Demimu..... mereka.....
Aku di sini
Mengira jarak perjalanan
Hari dan masa
Begitu lambat berlalu*

*Keringat ku kerab
Kadang ku rasa rindu
Demi tugas
Demi masa depan
Pasrah ku badapi*

*Indah dalam saujana memandang
Tak terasa malang menjengah
Andai hilang berkubur
Mana mungkin kutemu*

*Kesetiaan dan kesabaranmu
Bekalan buat perantauan
Ditambah secangkir kasih sayang
Penghilang dabaga kerinduan*

*Inilah makna sebenar pengorbanan
Atas janji - janji lafaz akad
Bersama bargai kebesaran Ilahi
Semat di hati
Persefahaman abadi*

821012 Mohd Rozali B. Jamalludin

PERJUANGAN

*Dengan renungan itu
menjanjikan seribu makna
yang masih belum di kecap
walau sesaat membawa erti
ku barungi arus
yang datang merempuh badai gelora
walau di hati kecil ini
tak terasa gentar kerana ku tabu
semuanya itu hanyalah dugaanya
yang berlalu biarkan saja
kerana ku tabu ada hikmatnya
dengan berjiwa waja
akan ku pertabankan setiap detik
dan waktu
sebingga pengujungnya
kerana perjuangan tiada kesudahannya.*

PENGERTIAN

*Isteriku
Telah ku nyatakan padamu
Hakikat perjuangan ini
Perlu penyerahan hati
Kerana ku tabu
Ada yang terluka
Dimamah masa
Melangkah waktu- waktu usia
Menatang cabayamata
Menanti bila saat bersua
Tanpa aku bersama*

*Isteriku
Tika dirimu ditinggalkan
Jangan kau jemu menanti
Jangan sesekali.....
Patah semangatmu
Patah batimu*

*Isteriku
Begitu juga aku
Tatkala ku dongak kelangit
Terasa akan pengorbanan ini
Rela ku harung setiap liku
Lembah kebidupan ini
Demi bakti untuk pertiwi
Juga segenggam rezeki*

*Ab..... terbayang wajah ayumu
Harapanku
Kesetiaan dan ketaatan
Hanya untukku*

*Isteriku
Kita perlu bergandingan
Bersama meniti arus hidup ini
Biar duri menusuk telapak kaki.....
Telapak perjuangan ini*

*Isteriku
Jangan juga kita lupa
Ada keredhaan yang menanti
Sekiranya tulus hati kita
Dia tidak pernah leka
Memberi kerahmatan
Kepada insan bergelar bamba
Hanya ketakwaan
Yang perlu kita buktikan
Senada kita suarakan
ALLAH HUKBAR*

3164 AZZA a.e

TERUMBU LAYANG - LAYANG

*Terumbu Layang - Layang
Di sini
Ku pernah di tempatkan
Bersama rakan seperjuangan
Mempertabankan Terumbu
Yang menjadi idaman dan Rebutan
Setiap negara di dunia ini*

*Terumbu Layang - Layang
Di sini jua
Ku pernah melahiri
Kenangan pabit manis
Ketika bersamamu dulu
Dimana
Ribut dan taufan menjadi teman
Ombak dan badai jadi mainan
Namun kau tetap ku pertabankan*

*Terumbu Layang - Layang
Seindab namamu
Mengukir seribu kenangan
Dirimu tersimpan khazanah lama
Yang amat berbarga
Untuk negara*

*Terumbu Layang - Layang
Keindaban mu kini
Menjadi sebutan dan ingatan
Di sanubari setiap insan
Di seluruh dunia*

LK I KNA Iswardi

SAUH

*SAUH
Engkau di humber menusuk ke dasar laut
Tak kira siang ataupun malam
Engkau tetap setia di badapan*

*SAUH
Kesetiaamu tak pernah diragui
Engkau tetap gagah
Gagah menempuh arus yang mendatang*

*SAUH
Walaupun engkau umpama besi buruk
Namun engkau sangat bererti
Terujinya kemegahan
Kemegahan setiap kapal yang berlabuh*

*SAUH
Engkau di angkat dari dasar
Dari dasar cengkaman engkau
Kini engkau tak lagi mencecah laut
Itulah tanda engkau direbatkan*

ME ZUL, KD BELADAU



CHALLENGES AND CHANGE - INTERNALLY AND AROUND THE WORLD

The focus of military operations today is on planning and supporting forces in a deployed scenario. Commanding troops in the field requires information about resources to be highly visible and accessible. To meet this requirement, the new SAP industry solution called SAP® Defense Forces & Public Security Management offers the ability to plan and build up operating forces that are prepared for action. The solution helps with managing the organizational structure as well as personnel, material, and financial resources. The SAP solution is flexible to support changes, and it provides a role-based user interface and a system architecture that are appropriate for military purposes. All relevant processes are integrated with administration, logistics, and controlling. The majority of these functions are also valuable to nonmilitary organizations whose job is to ensure public security.

THE BEST-RUN BUSINESSES RUN SAP



A Secure Profile



76/62 SUPER RAPID

The 76/62 gun mount has been adopted by 51 Navies throughout the world and over 1000 units have been produced by Oto Melara and its licensees. A major factor for such unrivalled success is the balanced design approach: the gun mount is significantly lighter than larger calibres, while it is not heavier than smaller calibre competitors.

The 76/62 Super Rapid is a major advance in gun evolution, that makes it more effective than other guns of similar calibre. Firstly, the high rate of fire (120 rounds per minute), which can be achieved at any elevation, combined with the weight of the ammunition, results in the highest amount of total energy delivered to the target in a given time.

Secondly, the calibre is suitable for the incorporation of any available and relevant technology such as special fusing and guidance. Finally, interfacing with fire control systems throughout the world has been achieved successfully, while maintaining the Oto Melara standards for reliability and safety.

Now, more than ever, Oto Melara is well aware of the future challenges for the 76 mm gun. The Company is, therefore, approaching this new era by recognizing the need for a change in the relationship with its customers, i.e. not that of a Supplier, but that of a Partner. Furthermore, a Partner who will endeavour to anticipate and satisfy Customer requirements through technology and its long-standing reputation for excellence.

Oto Melara. A new look, the usual and expected excellence



oto melara

A FINMECCANICA COMPANY

Oto Melara via Valdilocchi, 15 La Spezia (Italy)
tel (+39) 0187 5811 - fax (+39) 0187 582669